20 PERSOALAN ASAS TENTANG HADIS

ADLAN BIN ABD.AZIZ

20 Persoalan Asas Tentang Hadis.

oleh

ADLAN BIN ABD. AZIZ

Kata-Kata Aluan

oleh

DR. MOHD ASRI ZAINUL ABIDIN

Kandungan:

Kata-Kata Aluan oleh Dr. Mohd Asri Zainul Abidin[1]

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله، نحمده ونستعينه، ونستغفره، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا، ومن سيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مُضلّ له، ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله،

أما بعد:

Setelah saya melihat susunan buku ini, saya rasa ia amat bermanfaat untuk mereka yang ingin memahami ilmu hadith di peringkat awal. Buku ini disusun begitu rupa oleh penulisnya agar masyarakat awam dapat mendekati ilmu yang penting ini. Semoga Allah memberikan pahala kepada penulisnya dan ditunaikan hasrat dan cita-cita kita semua agar masyarakat awam mula memahami ilmu hadith dan menghayati sunnah Nabi s.a.w dengan kaedah yang betul.

Ilmu hadith adalah amat penting dalam memahami hakikat agama yang tulen. Banyak perselisihan mengenai persoalan-persoalan ilmiah sesama masyarakat Islam berpunca daripada tidak memahami kedudukan hadith, kepentingannya dan kaedah-kaedah yang betul dalam berinteraksi dengannya.

---

[1] Pensyarah Pengajian Islam di USM, Pulau Pinang. Beliau banyak menyertai forum, seminar dan menghasilkan beberapa buah buku yang bermanfaat khususnya dalam bidang hadis.

Penulis buku ini adalah seorang yang telah terdedah dengan pengetahuan yang baik dalam ilmu hadith ini. Beliau pernah berguru dengan tokoh yang dianggap jaguh dan terbilang dalam bidang ini di zaman kita iaitu al-Syeikh Syu'aib al-Arnaut. Pengetahuan beliau boleh membantu kita semua untuk meluruskan manhaj dan mengembalikan wajah Islam yang tulen dalam kehidupan umat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan para penuntut ilmu membaca buku-buku yang berfaedah dan berdisiplin seperti buku ini. Buku ini wajar dimiliki oleh mereka yang berusaha menghayati manhaj yang sahih dalam berpegang dengan hadith. Kita doakan agar buku ini dapat memainkan peranannya dalam menyalurkan maklumat ilmiah kepada individu dan masyarakat yang cinta dan dahagakan sunnah al-Rasul s.a.w.

Sekian, Yang Amat Berharapkan Keampunan Tuhannya

(Mohd. Asri Zainul Abidin)

Pendahuluan

الحمدلله نحمده ونستعينه ونستغفره , ونعوذ بالله من شرور أنفسنا وسيئات أعمالنا , من يهده الله فلا مضل له, ومن يضلله فلا هادي له,

أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له , وأشهد أن محمدا عبده ورسوله.

Syukur kepada ALLAH SWT kerana mengizinkan buku ini ditulis, disusun dan dicetak buat tatapan para pembaca. Saya berterima kasih kepada semua pihak yang membantu dalam usaha menerbitkan buku ini. Diharap buku ini dapat mengisi khazanah buku-buku agama yang semakin banyak di pasaran.

Buku ini adalah hasil penulisan ilmiah saya yang pertama dan sudah pasti setiap permulaan itu ada kekurangan dan perlu diperbaiki. Fokus buku ini ialah beberapa maklumat asas yang perlu diketahui oleh masyarakat Islam masa kini tentang hadis Rasulullah SAW. Setelah mengetahui perkara-perkara asas ini, maka mudahlah seorang muslim itu untuk memahami, seterusnya beramal, dengan apa yang terkandung di dalam hadis-hadis sahih. Persoalan-persoalan yang dijawab di dalam buku ini akan menjadikan pembacanya lebih berpeluang untuk menerokai bidang hadis yang begitu luas, insya ALLAH. Sudah pasti terdapat banyak lagi persoalan asas yang lain tentang hadis, tetapi anggaplah bahawa apa yang ada di dalam buku ini sebagai permulaan.

Harapan saya agar mereka yang membaca buku ini akan dapat mengambil faedah, seterusnya menjadikan mereka lebih memberikan tumpuan kepada pengkajian ilmu yang agung ini dan menyebarkannya ke dalam masyarakat. Golongan agamawan boleh menjadikannya sebagai

satu hasil kajian dari saya yang lemah ini. Sekiranya mereka terjumpa kesalahan di dalamnya, maka segeralah memaklumkannya kepada saya berserta bukti yang menunjukkan bahawa saya tersalah. Bagi golongan yang tidak pernah membaca atau mempelajari ilmu ini, maka buku ini diharap menjadi satu permulaan untuk mereka mengenali sedikit sebanyak tentang hadis Rasulullah SAW serta ilmu pengkajian hadis.

Beberapa Perkara Berkaitan Metodologi Penulisan Buku Ini

1- Buku ini mengutamakan perbincangan tentang persoalan-persoalan asas berkaitan hadis dan bukanlah ingin menyentuh semua bidang atau semua bahagian mengenai hadis. Sudah pasti buku yang kecil ini tidak mencukupi untuk menyatakan semua perkara berkaitan ilmu hadis.

2- Apabila saya menyebutkan sesuatu pendapat, saya cuba sedaya upaya untuk menyebut sumber pendapat tersebut.

3- Apabila menyebutkan sesuatu hadis, maka saya berusaha menyebut siapa yang meriwayatkan hadis tersebut. Semua dibuat berdasarkan kemampuan saya yang lemah ini.

4- Hadis-hadis yang ada di dalam *Sahih al Bukhari* dan *Sahih Muslim* adalah sahih dan saya tidak sebutkan periwayat selain mereka kerana itu telah mencukupi.

5- Bagi hadis-hadis yang tidak ada di dalam *Sahih al Bukhari* dan *Sahih Muslim*, saya telah mencari hadis tersebut dari sumber-sumber lain dan menjelaskan kedudukannya sama ada sahih

atau tidak berdasarkan komen para ulama hadis dahulu dan masa kini.

6- Sebolehnya saya akan menyebut tarikh wafat bagi para ulama hadis sejak dahulu hingga kini dan diletakkan di dalam kurungan selepas nama mereka disebut kali pertama. Ini amat penting untuk kita melihat zaman mereka hidup dan membezakan di antara ulama yang terdahulu dan terkemudian.

Penghargaan

Saya berterima kasih kepada mereka yang telah memberikan sumbangan dalam memperbaiki tulisan ini sejak dari awal hinggalah sampai ke tahap ia dibukukan. Antara mereka ialah abang saya, Hafiz Bin Abd. Aziz, Ustaz Anwaruddin Bin Abd. Wahab (pegawai bahagian Arab Service, BERNAMA.), Ustaz Muharman Bin Bachtiar (pensyarah di Kolej Jaiputra, Kota Bharu), Ustaz Anwar (pensyarah Pusat Matrikulasi UIAM, Petaling Jaya), guru-guru di SMK Bandar Tun Razak, khususnya En. Mohd.Rizal B. Yaacob yang memberikan perkongsian ilmiah serta rakan-rakan yang lain.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada warga pendidik SMK Simpang Rengam, Kluang yang telah menjadi guru dan rakan sepanjang saya bertugas di sana walaupun tempohnya terlalu singkat. Saya hadiahkan buku ini kepada para pelajar terutamanya para pelajar kelas hadis yang menjadi sumber inspirasi dalam menggerakkan semangat ke arah menulis buku ini. Manfaatkanlah buku ini sebagai panduan dalam memahami ilmu hadis.

Terima kasih kepada Dr. Mohd. Asri Bin Zainul Abidin (Pensyarah Pengajian Islam USM) kerana sudi menyemak hasil tulisan saya dan memberikan komen ilmiah bagi mengelokkan lagi buku ini. Semoga ALLAH membantu beliau dalam menyebarkan ilmu-ilmu yang berharga di dalam masyarakat.

Begitu juga ucapan terima kasih kepada penyunting buku ini iaitu Ustaz Hafiz Firdaus Abdullah, penulis buku-buku Islam yang ilmiah. Kesudian beliau menyunting buku ini merupakan satu penghormatan kepada diri saya. Semoga ALLAH memberikan ganjaran kepada beliau.[1]

Terima kasih tidak terhingga kepada isteri, Herlyna Bt. Bachtiar dan anak-anak (Ammar dan Amir) kerana sokongan dan dorongan mereka sepanjang penulisan buku ini. Buku ini saya hadiahkan khas kepada ibu bapa saya – Tn. Hj. Abd. Aziz Mansor dan Hjh. Habsah Bt. Lebai Din – dan juga kaum keluarga yang sentiasa memberikan sokongan di atas penulisan ini khususnya Tn. Hj Ahmad Hussain dan Hjh. Latifah Bt. Lebai Din.

Semoga ALLAH SWT memberikan ganjaran kepada mereka yang membaca buku ini dan diharapkan agar para pembaca mendoakan kepada penulis agar diberikan ilmu dan amalan yang salih.

Adlan bin Abd. Aziz

Disember 2005

alitantawi@yahoo.com

---

[1] Dalam menyunting skrip ini, saya (Hafiz Firdaus) berterima kasih kepada Shaabana bt. Zahir Ahmad dan Norfatihah bt. Omar yang sudi membantu untuk membaca pruf dan memberi beberapa cadangan pembaikan.

20 PERSOALAN ASAS TENTANG HADIS

Soalan # 1:

Ada pihak yang mengatakan bahawa kita hanya perlu beramal dengan Al Quran dan tidak perlu kepada hadis Nabi SAW. Adakah pendapat ini benar?

Jawapan:

Pendapat tersebut adalah pendapat dari golongan yang dikenali sebagai Anti Hadis. Apa yang benar ialah tiada siapa dapat memisahkan hadis daripada Al Quran kerana hadis adalah huraian kepada Al Quran. Ini jelas dalam firman ALLAH SWT :

﴿ وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ ﴾

Maksudnya: **Dan kami turunkan kepadamu (Muhammad) Al Quran agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka**[1].

Firman ALLAH SWT lagi:

---

1 Surah an Nahl , ayat 44.

﴿ مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدۡ أَطَاعَ ٱللَّهَ ۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ عَلَيۡهِمۡ حَفِيظًا ﴿٨٠﴾ ﴾

Maksudnya : **Dan sesiapa yang taat kepada Rasul, maka sesungguhnya dia telah taat kepada ALLAH, dan sesiapa yang berpaling, maka KAMI tidak utuskan engkau (wahai Muhammad) sebagai penjaga kepada mereka**[1].

Seluruh kehidupan Rasulullah SAW adalah huraian kepada Al Quran bagi memudahkan umat manusia mengamalkan Islam dalam kehidupan mereka. Sepanjang hayat Baginda SAW menjelaskan kepada umat Islam agar mereka faham bagaimanakah mereka ingin memahami Al Quran seterusnya beramal dengannya dalam kehidupan seharian. Segala huraian ini dipanggil hadis atau sunnah. Menurut seorang pensyarah pengajian hadis di Universiti Jordan, Hammam Said:

> Sedangkan daripada sudut sebagai sumber hukum, maka Al Quran menghalalkan dan sunnah juga menghalalkan. Al Quran mengharamkan dan sunnah juga mengharamkan. Al Quran menggalakkan dan sunnah juga menggalakkan. Al Quran mengharuskan dan sunnah juga mengharuskan. Maka sunnah (hadis) adalah sama seperti Al Quran dalam syariat dan sumber hukum-hakam[2].

---

1 Surah an Nisaa' ayat 80.

2 *Al Tamhid Fi Ulum al Hadith* – Hammam Said – muka surat 67 – cetakan keempat, tahun 2000 – Dar al Furqan

Kita tidak akan dapat memahami Al Quran jika kita tidak mengambil hadis atau sunnah sebagai panduan. Kata Yusof al Qaradhawi[1]:

> Sesungguhnya ibadah yang paling utama dan kefardhuan harian serta syiar yang besar dalam Islam iaitu solat, tidak disebutkan maklumat terperinci mengenainya di dalam Al Quran. Tidak disebutkan jumlahnya, waktu-waktunya, jumlah rakaatnya, cara mengerjakannya dan huraian tentang syarat-syarat dan rukun-rukunnya. Semuanya diketahui dengan sunnah[2].

Inilah yang menjadikannya amat penting kerana sebarang penambahan yang berlaku pada sumber kedua ini bermakna berlaku penambahan pada huraian Al Quran. Maka oleh sebab itu golongan yang jahat sejak zaman awal Islam telah berusaha mencipta hadis-hadis palsu bertujuan untuk mencemarkan kesucian Islam. Tetapi kita bersyukur kerana wujudnya segolongan ulama yang dikenali sebagai ulama hadis atau muhaddith yang sentiasa memastikan masyarakat dapat mengenali

---

[1] Salah seorang tokoh ulama Islam yang terkenal pada masa ini. Menjawat beberapa jawatan penting antaranya Pengerusi Majlis Fatwa Eropah dan Pengerusi Persatuan Ulama Islam Sedunia. Pembaca digalakkan melayari laman webnya www.qaradawi.net.

[2] *Madkhal Li Ma'rifati al Islam* – Yusof al Qaradhawi – muka surat 299 – cetakan pertama tahun 2001 – Muassasah ar Risalah, Beirut.

hadis-hadis yang sahih dan hadis-hadis yang tidak sahih (dhaif atau palsu).

Hadis-hadis sahih merupakan gambaran sebenar kepada kehidupan Rasulullah SAW. Golongan yang tidak mahu mengambil hadis sebagai sumber rujukan (Anti Hadis) sebenarnya telah melanggar perintah ALLAH di dalam Al Quran sendiri. Maka kita dapat membuat kesimpulan bahawa orang-orang yang hanya ingin menggunakan Al Quran tanpa panduan hadis adalah golongan yang tidak memahami Al Quran. Mereka terpengaruh dengan pemikiran kebanyakan pemikir barat yang sentiasa inginkan umat Islam jauh daripada ajaran Islam. Semoga ALLAH melindungi umat Islam daripada terpengaruh dengan pemikiran yang merosakkan ini.

Di antara sumber yang memberi kita maklumat untuk menolak tuduhan golongan Anti Hadis ialah:

- *20 Hujah Anti Hadith Dan Jawapannya* oleh Hafiz Firdaus Abdullah. (cetakan Jahabersa). Ini adalah buku yang begitu baik dalam menjawab tuduhan-tuduhan yang meragui kedudukan hadis sebagai sumber hukum.
- *Al Sunnah Wa Makanatuha Fi al Tasyri'* oleh Mustofa al Sibaei. Buku ini telah pun diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Maksud tajuk buku ini ialah 'Sunnah dan kedudukannya dalam perundangan Islam'. Mustofa al Sibaei telah lama berdebat dengan sarjana Barat yang menafikan maklumat-maklumat berkaitan hadis.
- Tulisan tentang anti hadis di dalam www.darulkautsar.com.

Soalan # 2:

Adakah hadis boleh diertikan sebagai sabda Nabi SAW ?

Jawapan:

Jika kita ertikan hadis sebagai sabda Nabi SAW, pengertian sebegini adalah belum mencukupi. Hadis bermaksud setiap perkara yang dikaitkan dengan Rasulullah SAW daripada segi perbuatan, percakapan, persetujuan dan sifat-sifat Rasulullah SAW sama ada sifat akhlak atau sifat fizikal baginda SAW[1]. Pembahagian ini dapat diterangkan dengan penjelasan berikut:

1- Hadis berbentuk percakapan ialah segala ucapan Rasulullah SAW yang didengari oleh para sahabat[2] sepanjang hidup baginda SAW. Hal ini banyak direkodkan oleh para penulis hadis sejak zaman berzaman seperti sabda Nabi SAW :

---

1 *Al Tamhid Fi Ulum al Hadith* – Hammam Said – muka surat 11. Takrif atau pengertian hadis boleh didapati dalam buku-buku mustolah hadis.

2 Sahabat ialah mereka yang beriman, sempat bertemu dengan Nabi SAW dan mati dalam keimanan. Kedudukan mereka berbeza berdasarkan hubungan mereka dengan Nabi SAW namun mereka kesemuanya adalah para sahabat yang diakui kehebatan masing-masing.

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ.

Maksudnya : **Sesungguhnya setiap amalan itu diukur dengan niat**[1].

2- Hadis berbentuk perbuatan pula ialah segala tingkah laku Nabi SAW yang dilihat oleh para sahabat lalu mereka ceritakan kepada para tabiin[2]. Perbuatan Nabi SAW menjadi panduan dan syariat serta menjadi huraian kepada Al Quran. Contohnya ialah gerak-geri Nabi SAW ketika Baginda SAW solat. Gerak geri dan perbuatan Baginda SAW telah diceritakan dengan panjang lebar oleh para sahabat sehingga kita dapat mengetahui dengan jelas bagaimanakah cara solat Nabi SAW.

3- Hadis berbentuk persetujuan atau istilah arabnya 'taqrir' pula ialah segala persetujuan Nabi SAW apabila melihat sesuatu perbuatan daripada sahabatnya yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Itu juga dikira hadis yang menjadi syariat kepada umatnya kerana persetujuan Rasulullah SAW menandakan bahawa perkara itu boleh dilakukan. Contohnya ketika Rasulullah SAW melihat Khalid bin al Walid memakan daging dhab (sejenis biawak yang bersih dan hidup di padang pasir) maka baginda

---

[1] Hadis Sahih riwayat al Bukhari (hadis no. 1) dan Muslim (hadis no. 1907).

[2] Tabii ialah istilah yang diberikan kepada seseorang yang sempat bertemu dengan para sahabat. Tabiin menunjukkan bilangan ramai.

SAW membiarkannya sahaja walaupun baginda SAW tidak memakannya kerana tidak biasa[1].

4- Hadis-hadis dalam kategori sifat pula terbahagi kepada dua iaitu hadis-hadis yang menceritakan sifat-sifat fizikal (warna kulit, rambut, bentuk tapak tangan dan sebagainya) dan juga hadis-hadis yang menceritakan sifat-sifat akhlak baginda SAW (pemurah, bergurau dengan sahabatnya, penyabar dan sebagainya) seperti yang dapat kita lihat di dalam buku *al Syamaail al Muhammadiyyah*[2] karya al Tirmizi (279H). Buku ini telah diterjemahkan ke bahasa Indonesia dengan tajuk *Tarjamah Hadits Mengenai PRIBADI DAN BUDI PEKERTI RASULULLAH SAW.* Buku ini dialih bahasa oleh Drs. M. Tarsyi Hawi, cetakan kesepuluh tahun 2003 (cetakan CV PENERBIT, Bandung).

---

[1] Hadis sahih riwayat al Bukhari (hadis no. 5391).

[2] Buku ini merupakan buku yang mengumpulkan sifat-sifat Nabi SAW bermula dari sifat tubuh badan dan diakhiri dengan bab melihat Rasulullah SAW di dalam mimpi. Di dalamnya terdapat 397 buah hadis. Ia pernah dihuraikan dan dikaji oleh para ulama kerana di dalamnya terdapat hadis-hadis yang sahih dan yang dhaif. Di antara yang pernah mengkaji kesahihan hadis-hadisnya ialah al Albani, Mahir Yasin Fahl di bawah seliaan Basyar Awwad Ma'ruf dan lain-lain lagi.

Soalan # 3:

Perkataan 'Sanad' dan 'Matan' sering disebut apabila orang bercakap tentang hadis. Apakah maksud dua perkataan ini?

Jawapan:

Hadis mempunyai dua bahagian iaitu SANAD dan MATAN. Kedua-duanya akan dikaji oleh para ulama hadis bagi menentukan kesahihan sesuatu hadis. Sanad ialah salasilah periwayat-periwayat bagi sesebuah hadis bermula daripada penulis atau pengumpul hadis tersebut sehinggalah kepada matannya iaitu hadis tersebut. Maka sanad adalah penghubung di antara kita dengan sesebuah matan. Di bawah ditunjukkan contoh:

al Bukhari (256H) → a → b → c → Saidina Umar Ibn al Khattab → Rasulullah SAW (hadis)

Maka sanad bermula daripada diri al Bukhari itu sendiri sehinggalah kepada Umar Ibn al Khattab.

Kepentingan Sanad Dalam Ilmu-Ilmu Islam Khususnya Hadis[1]

Sanad adalah keistimewaan umat akhir zaman yang dipimpin oleh nabi terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW. Para ulama Islam sejak

---

[1] Buku *al Manhaj al Sahih Fi al Hukmi 'Ala al Hadith al Nabawiy al Sharif* – Adil Mursyid – muka surat 14-16 – cetakan Dar al Basyir.

zaman tabiin telah menegaskan kepentingan sanad dalam ilmu-ilmu Islam khususnya ilmu hadis.

Menurut Sufyan al Thauri (161H): *Sanad itu senjata mukmin. Jika seseorang tidak memiliki senjata, maka dengan apakah dia ingin berperang?* Maksud Sufyan, untuk membuktikan bahawa hadis yang dikatakan itu benar, maka buktinya dan hujahnya (senjatanya) ialah sanad.

Menurut Sufyan bin Uyainah(198H) pula:

> *Suatu hari al Zuhri (125H) telah membacakan satu hadis, maka aku berkata kepadanya, Berilah aku hadis itu tanpa sanadnya. Kata al Zuhri: Adakah engkau ingin memanjat ke bumbung tanpa menggunakan tangga?*

Ulama Islam pada zaman kegemilangan Islam menggunakan sanad bukan hanya pada ilmu hadis, tetapi juga dalam bidang-bidang yang lain. Ilmu-ilmu itu adalah seperti tafsir, fiqh, sejarah, bahasa, sastera bahkan kisah-kisah lucu dan menarik juga diriwayatkan menggunakan sanad.

Soalan # 4:

Apakah kelebihan bagi mereka yang mempelajari hadis dan ilmu-ilmu berkaitan dengannya?

Jawapan:

Ya, memang terdapat beberapa kelebihan, di antaranya:

Pertama:

Rasulullah SAW telah mendoakan secara khusus kepada mereka yang mempelajari hadis baginda SAW dengan sabdanya:

نَضَّرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مِنَّا حَدِيثًا فَحَفِظَهُ حَتَّى يُبَلِّغَهُ.

Maksudnya: **Semoga ALLAH memberikan cahaya kepada seseorang yang mendengar hadis daripadaku lalu menghafaznya sehingga dia menyampaikannya kepada orang lain**[1].

Kedua:

al Syafie pernah menyebut:

---

1 Hadis Sahih riwayat Abu Daud (3660) dan imam-imam lain dengan lafaz yang sedikit berbeza.

Kamu semua hendaklah mendampingi orang-orang yang mempelajari hadis. Sesungguhnya mereka ialah orang yang paling tepat amalannya dalam kalangan manusia[1].

Ketiga:

Menurut salah seorang pengkaji hadis pada masa ini, Abd. Salam Allush:

Tidak ada ilmu yang lebih bermanfaat - selain berkaitan Al Quran - daripada mempelajari hadis. Sesungguhnya di dalam hadis itu terdapat tauhid, asas-asasnya, sifat-sifat ALLAH dan jenis-jenisnya, nama-nama ALLAH dan maknanya, jawapan terhadap dakwaan para mulhid (atheis), kisah-kisah umat terdahulu, cerita orang-orang zuhud, peringatan daripada para Nabi terdahulu, mukjizat bagi ahli bahasa, sumber bagi ahli fiqh, peristiwa-peristiwa dan peperangan Baginda, hukum-hakam yang Baginda SAW putuskan, maklumat tentang isteri-isterinya, anak-anaknya, keluarganya dan para sahabatnya, kisah hidup mereka (para sahabat), kelebihan-kelebihan mereka, umur mereka,

---

[1] *Al Adab al Syar'iyyah* – Ibn Muflih – jilid 1 – muka surat 231 – cetakan kedua 1996 – Muassasah al Risalah, Lubnan.

keturunan mereka, keadaan serta kata-kata mereka, mazhab dan fatwa-fatwa mereka[1].

Keempat:

Mempelajari serba sedikit tentang ilmu pengkajian hadis dapat membantu seseorang untuk membezakan di antara hadis-hadis yang sahih daripada yang palsu.

Kelima:

Menurut Mohd Asri B. Zainul Abidin:

> Mengetahui sedikit sebanyak disiplin ilmu hadith membantu kita mendekati dan memahami hadith. Orang awam juga sangat penting mendekati ilmu ini. Sesetengah golongan yang menyandarkan diri kepada agama kadang-kadang tidak bertanggungjawab terhadap hadith-hadith Nabi SAW. Kadangkala mereka membaca hadith yang palsu, atau membuat huraian yang salah terhadap hadith. Orang awam yang tidak mempunyai asas-asas pengetahuan dalam ilmu hadith akan mudah percaya dan terpedaya. Jika mereka dibekalkan dengan

---

[1] *Ilm Zawaaid al Hadith* – Abd. Salam Allush – muka surat 13 – cetakan 1995 – Dar Ibn Hazm, Lubnan.

ilmu hadith ini, mereka mungkin akan berfikir semula atas sesuatu perkara berkaitan hadith yang dinyatakan, atau mungkin boleh menyoal kembali kenyataan yang dibuat[1].

Keenam:

Mempelajari hadis akan menjadikan kita memahami bagaimana Al Quran ingin diterapkan dan diamalkan di dalam kehidupan. Seluruh kehidupan Rasulullah SAW adalah merupakan terjemahan serta huraian kepada isi kandungan Al Quran. Oleh itu mereka yang ingin menjadikan diri mereka sebagai golongan yang mempraktikkan isi Al Quran hendaklah mempelajari dan mengamalkan hadis-hadis Rasulullah SAW. Isteri Rasulullah SAW, Aisyah pernah berkata:

فَإِنَّ خُلُقَ نَبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ الْقُرْآنَ.

Maksudnya: **Sesungguhnya akhlak Nabi ALLAH SAW adalah Al Quran[2].**

---

1 Pendahuluan buku *Selangkah Ke Arah Mengenal Al-Sunnah* terbitan Karya Bestari. Buku ini adalah panduan ringkas yang amat baik berkenaan asas-asas yang perlu diketahui tentang ilmu hadis.

2 Hadis sahih riwayat Muslim (hadis no. 1773).

Ketujuh:

Dengan mempelajari hadis, kita akan dapat mengetahui bagaimanakah Rasulullah SAW beribadah lalu kita dapat mencontohi Baginda SAW. Kita yakin bahawa ibadah yang dilakukan Baginda SAW itulah yang terbaik dan berpeluang untuk diterima di sisi ALLAH.

Soalan # 5:

Bila dan bagaimanakah hadis dibukukan?

Jawapan:

Hadis dibukukan sejak Rasulullah SAW masih hidup. Memandangkan hadis-hadis sahih ini adalah sumber hukum kedua selepas Al Quran, pemeliharaan hadis amat diberikan perhatian oleh para sahabat Nabi SAW. Mereka menghafaznya dengan menggunakan ingatan mereka yang kuat. Bagi sesetengah sahabat pula mereka menulisnya di dalam catatan untuk membantu ingatan mereka.

Pada awalnya mereka dilarang untuk menulis perkara selain Al Quran seperti yang terdapat di dalam sebuah hadis sahih, maksudnya: **"Jangan tulis daripadaku selain Al Quran. Sesiapa yang menulis selain Al Quran, maka hendaklah dia memadamnya"**[1]. Tetapi larangan itu hanya bersifat sementara dan Rasulullah SAW sendiri selepas itu telah memberikan kebenaran kepada para sahabat untuk menulis hadis[2].

Apabila tiba zaman para tabiin, mereka juga mewarisi sikap ini daripada para sahabat Nabi SAW. Ada di antara mereka yang menghafaznya dan ada di antara mereka yang menulisnya bagi

---

1 Hadis sahih riwayat Muslim (7701).

2 Buku *al Manhaj al Sahih Fi al Hukmi 'Ala al Hadith al Nabawiy al Sharif* – Adil Mursyid – muka surat 14-16 – cetakan Dar al Basyir.

membantu hafazan mereka. Mereka sentiasa mengikuti kelas-kelas pengajian yang diadakan oleh para sahabat dan mereka akan mencatat apa sahaja yang disampaikan oleh para sahabat.

Begitulah keadaannya sehingga tiba zaman pemerintahan khalifah Islam yang terkenal iaitu Umar Ibn Abd. Aziz (101H) di sekitar seratus tahun pertama hijrah. Umar telah mengarahkan supaya hadis-hadis Nabi SAW dikumpulkan secara rasmi dan tersusun supaya tidak hilang daripada pengetahuan orang ramai[1]. Beliau telah memerintahkan dua orang ulama yang terkenal untuk menjalankan proses pembukuan rasmi hadis-hadis ini. Mereka ialah : Abu Bakr Ibn Amru Ibn Hazm (120H) dan Ibn Shihab al Zuhri[2].

Keperihatinan Umar telah mencetuskan satu semangat baru di kalangan para ulama untuk turut sama mengumpulkan hadis secara rasmi dan tersusun. Di antara ulama hadis yang menyahut seruan Umar Ibn Abd. Aziz di zaman itu ialah:

- Ibn Juraij (150H) di Mekah
- Al Auzaa'i (156H) di Syam
- Sufyan al Thauri di Kufah

---

1 Lihatlah keprihatinan Umar Bin Abdul Aziz dalam memikirkan masa depan umat Islam berkaitan soal ilmu-ilmu Islam terutamanya hadis. Sikap ini perlu ada dalam diri kita agar kita dapat melakukan sesuatu untuk memelihara kesucian ilmu-ilmu Islam untuk generasi akan datang.

2 Perintah Umar Bin Abd. Aziz ini ada diriwayatkan oleh al Bukhari di dalam *Sahih al Bukhari* (bab 34 – bab *'Kaifa Yuqbadhu al Ilmu'* bermaksud 'bagaimana ilmu diambil atau hilang').

- Muhammad Ibn Ishak (151H) dan Abdullah Ibn al Mubarak (181H) di Khurasan
- Malik Ibn Anas (179H) di Madinah

Amalan ini berterusan pada awal kurun ke 3 hijrah dan di antara mereka yang membukukan hadis ialah Imam-imam yang dikenali buku-buku mereka dengan nama al Kutub as Sittah (6 buku):

1. Muhammad Ibn Ismail al Bukhari (256H)
2. Muslim Ibn al Hajjaj (261H)
3. Muhammad Ibn Yazid (Ibn Majah) (273H)
4. Sulaiman Ibn al Asy'ath (Abu Daud) (275H)
5. Muhammad Ibn Isa (al Tirmizi) (279H)
6. Ahmad Ibn Syuaib (al Nasaai) (303H)

Sejak zaman itu hinggalah ke hari ini, penulisan dalam bidang hadis melalui pelbagai peringkat yang melibatkan bermacam-macam bentuk penulisan. Hadis-hadis yang telah dikumpulkan itu telah dikaji dan dinilai oleh para ulama. Sejak itu banyak buku telah dihasilkan yang dapat kita baca hingga ke hari ini.

Mungkin ada yang menyangka bahawa penulisan hadis bermula lewat iaitu beberapa ratus tahun selepas Rasulullah SAW wafat. Ini adalah pendapat yang tidak tepat. Penulisan dan pengumpulan hadis telah bermula sejak Rasulullah SAW masih hidup. Bentuk penulisan dan pengumpulan ini telah berkembang dan menjadi lebih tersusun seiring dengan perkembangan zaman.

Soalan # 6:

Ada sesetengah orang menyebut 'hadis sahih' atau 'hadis dhaif'. Bagaimanakah hadis dikategorikan oleh ulama?

Jawapan:

Dalam memastikan sama ada sesuatu hadis itu benar-benar datang daripada Rasulullah SAW atau tidak, para ulama telah membahagikan kedudukan hadis kepada beberapa bahagian. Pembahagiannya adalah seperti berikut:

1- **Hadis Sahih**: Hadis yang diyakini bahawa ia benar-benar bersumberkan daripada Rasulullah SAW mengikut pengkajian para ulama hadis. Untuk mencapai tahap Sahih, sesuatu hadis perlu melengkapi 3 syarat utama iaitu: sanadnya bersambung (periwayatnya bertemu dengan periwayat yang sebelumnya), periwayat-periwayatnya daripada kalangan mereka yang dipercayai dan tidak ada kecacatan lain yang tersembunyi dan diketahui oleh para pengkaji.[1]

2- **Hadis Hasan**: Hadis yang juga diyakini bahawa ia benar-benar bersumberkan daripada Rasulullah SAW tetapi kedudukannya tidak setinggi hadis sahih. Hadis hasan berbeza dengan hadis sahih dari segi ketelitian para periwayatnya. Walaupun hadis

---

[1] Tiga syarat ini adalah secara umum dan ada perinciannya yang boleh dirujuk dalam buku-buku ilmu hadis.

hasan tidak sama kedudukannya dengan hadis sahih, hadis hasan tetap menjadi hujah dan dalil dalam Islam.

3- **Hadis Dhaif**: Hadis yang tidak melengkapi syarat-syarat hadis sahih lalu menjadikannya tidak dapat dipastikan sama ada hadis ini benar-benar datang dari Nabi SAW atau tidak. Hadis dhaif tidak dijadikan sumber dalam menentukan hukum-hakam dan aqidah. Terdapat pendapat sebahagian ulama yang menyatakan boleh beramal dengan hadis dhaif berkaitan fadhilat amalan tetapi dengan syarat-syarat tertentu. Terdapat juga sebahagian ulama lain yang menyatakan bahawa hanya hadis sahih dan hasan yang boleh diamalkan[1].

4- **Sangat Dhaif (Dhaif Jiddan)**: Hadis yang lebih rendah kedudukannya daripada hadis dhaif berdasarkan kecacatan yang ada pada sanad atau matan. Kecacatan ini ditentukan oleh pengkajian para ulama. Hadis dhaif jiddan tidak boleh dijadikan hujah serta tidak boleh diamalkan. Inilah pendapat yang disepakati oleh para ulama hadis.

5- **Hadis Palsu (Maudhu')**: Hadis yang telah dibuktikan bahawa ia bukan bersumberkan daripada Nabi SAW. Hadis palsu sememangnya bukan hadis. Kita tidak melihat kepada maksud hadis palsu tersebut sama ada baik atau tidak tetapi kita melihat pada dosa menyatakan sesuatu itu sebagai hadis sedangkan ia bukan hadis. Sabda Nabi SAW :

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنْ النَّارِ.

---

[1] Lihat soalan kelima belas dalam buku ini.

Maksudnya: **Sesiapa yang berbohong menggunakan namaku maka dia telah menempah tempatnya di dalam neraka** [1].

Sikap yang terbaik patut kita ambil ialah mengutamakan hadis-hadis sahih dan hasan dalam persoalan hukum-hakam dan sebagainya. Kita juga dilarang menggunakan hadis palsu dalam erti kata menyebut bahawa hadis tersebut daripada Rasulullah SAW kerana ini merupakan kesalahan yang besar. Persoalan tentang penggunaan hadis dhaif akan dijawab dalam soalan nombor lima belas dalam buku ini.

Satu perkara yang perlu ditegaskan ialah, persoalan pembahagian hadis kepada sahih, hasan, dhaif dan palsu adalah persoalan yang ilmiah. Setiap hadis dikaji dan dinilai oleh para ulama sejak zaman berzaman menggunakan kaedah-kaedah hadis yang dikenali sebagai Ilmu *Mustolah al Hadith*. Pembahagian hadis sebegini bukanlah satu kerja yang bersifat suka-suka atau tidak berasas.

---

[1] Hadis Sahih riwayat Al Bukhari (hadis no. 1291) dan Muslim (hadis no. 4).

Soalan # 7:

Adakah ilmu pengkajian hadis ini berdasarkan kajian ilmiah atau sekadar mengikut pendapat ulama hadis semata-mata?

Jawapan:

Mungkin ada di kalangan kita yang menyangka bahawa pengelasan hadis adalah usaha yang tidak mempunyai kaedah tetap. Ada juga yang menyangka bahawa pengkajian ini adalah berdasarkan ilmu kasyaf yang bersifat ghaib dan tidak dapat dipelajari secara sistematik. Pengkajian hadis secara kasyaf ini dipopularkan oleh mereka yang terpengaruh dengan fahaman sufi yang melampau. Fahaman ini mengatakan bahawa segolongan tokoh sufi dapat mengenal pasti hadis-hadis yang sahih dan dhaif melalui mimpi atau ilham. Fahaman ini adalah salah dan ditolak oleh para pengkaji hadis sejak dahulu hingga kini.

Ilmu pengkajian hadis ini adalah ilmu pengkajian yang diiktiraf oleh mereka yang pernah mengetahui dan meneliti sejarah perkembangannya. Hal ini diakui oleh orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam. Seorang penulis barat bernama Bernard Lewis telah berkata dalam bukunya *Islam In History*[1] yang bermaksud:

---

[1] Kata-kata ini diambil dari buku *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden* karya Danial Zainal Abidin - muka surat 39 - cetakan 2003, PTS Publication & Distributors. Danial banyak mengarang buku-buku yang bermanfaat untuk dijadikan bekalan dakwah pada zaman ini.

Sejak awal-awal lagi tokoh-tokoh Islam menyedari bahaya penyaksian palsu dan sumber yang tidak kukuh bagi agama. Justeru mereka membina satu kaedah serta pendekatan yang begitu mendalam untuk menapis serta menganalisis sesuatu riwayat. Sistem ilmu ini begitu canggih dan professional dan tidak dapat ditandingi sejak dari dahulu hinggalah ke zaman kontemporari ini.

Pengkajian hadis tidak terhad kepada teori-teori pengkajian semata-mata tetapi ia melibatkan pengalaman dalam mempraktikkan segala teori tersebut dalam kajian sebenar.

Untuk mendapat gambaran lebih lanjut tentang kaedah pengkajian hadis, bolehlah merujuk kepada buku *Selangkah Ke Arah Mengenal Al Sunnah* yang dikarang oleh Mohd. Asri B. Zainul Abidin.

Soalan # 8:

Apakah buku-buku yang patut dirujuk untuk mengenal hadis-hadis sahih?

Jawapan:

Berikut adalah beberapa rujukan yang saya cadangkan:

1- Bagi yang mampu membaca tulisan di dalam Bahasa Arab, saya mencadangkan supaya mereka membaca buku *Sahih al Huffaz* karya Awwad al Khalaf. Buku ini mengumpulkan hadis-hadis yang diriwayatkan secara bersama oleh enam orang imam hadis yang terkemuka iaitu al Bukhari, Muslim, al Nasaai, al Tirmizi, Abu Daud dan Ibnu Majah. Jumlahnya ialah 408 hadis.

2- Membaca buku *al Lu'lu' wa al Marjan Fi Ma Ittafaqa 'Alaihi al Syaikhan* yang mengumpulkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh al Bukhari dan Muslim. Ia disusun oleh Muhammad Fuad bin Abd. Baqi. Buku ini mengandungi hadis-hadis yang sama dari segi maksud dan lafaz yang diriwayatkan oleh kedua-dua imam ini melalui sahabat yang sama. Hadis ini adalah kategori hadis sahih yang paling tinggi kedudukannya di sisi ulama hadis. Jumlahnya ialah 1096 hadis. Buku ini ada dijual di dalam bahasa arab (1 jilid) dan juga dijual dalam bentuk terjemahan dalam bahasa Indonesia (3 jilid). Kita bolehlah mengasingkan hadis-hadis yang telah dibaca dalam langkah pertama tadi.

3- Membaca buku *Mukhtasor Sahih al Bukhari* atau ringkasan *Sahih al Bukhari* karya al Zubaidi. Buku ini ada dijual dalam bahasa arab (1 jilid) dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia. Tumpukan kepada hadis-hadis yang hanya diriwayatkan oleh al Bukhari iaitu yang tidak ada dalam buku-buku di atas tadi.

4- Membaca buku *Mukhtasor Sahih Muslim* atau ringkasan *Sahih Muslim* karya Abd Azim al Munziri (656H). Ia ada dijual di dalam bahasa arab (1 jilid) dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia (1 jilid). Tumpukan kepada hadis-hadis yang hanya diriwayatkan oleh Muslim iaitu yang tidak ada di dalam buku-buku di atas tadi.

Banyak faedah dan manfaat yang akan kita dapati jika membaca hadis-hadis Nabi SAW. Apa yang penting, kita tidak terburu-buru menghabiskannya kerana itu biasanya menjadikan kita akan berhenti daripada membacanya. Terburu-buru juga mungkin menjadikan kita kurang mengingati hadis-hadis yang pernah dibaca. Mohonlah pertolongan ALLAH berserta usaha yang terbaik.

Kita mestilah menumpukan perhatian utama ke arah mengkaji dan mengamalkan hadis-hadis sahih yang terdapat dalam dua buah buku yang terkenal iaitu *Sahih al Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Kedua-dua buah buku ini telah diiktiraf sebagai yang terbaik dalam mengumpulkan hadis-hadis sahih. Kedua-dua buah buku ini sepatutnya menjadi rujukan bagi semua masyarakat sama ada golongan agama atau masyarakat awam. Saya menasihati diri saya dan para pembaca untuk membaca kedua-dua buku ini. Kita juga mestilah membaca huraian para ulama tentang maksud hadis *Sahih al Bukhari* dan *Sahih Muslim* dalam buku-buku

seperti *Fathu al Bari* (huraian *Sahih al Bukhari*) karya Ibnu Hajar al Asqalani (852H) dan *al Minhaj* (huraian *Sahih Muslim*, juga dikenali sebagai Syarh *Sahih Muslim*) karya al Nawawi (676H).

Soalan # 9:

Seringkali orang menyebut 4 buku 'Sunan' iaitu *Sunan al Tirmizi*, Sunan Abu Daud, Sunan al Nasaai dan Sunan Ibn Majah. Apakah kesemua hadis di dalam buku-buku ini adalah sahih?

Jawapan:

Tidak semua hadis yang terdapat dalam empat buku 'Sunan' yang terkenal (*Sunan al Tirmizi*[1], *Sunan al Nasaai, Sunan Abu Daud* dan *Sunan Ibn Majah*) adalah sahih di sisi pengkaji hadis. Apa yang tepat menurut pengkajian hadis ialah di dalam keempat-empat buku ini terdapat hadis-hadis yang sahih, hasan, dhaif dan palsu. Hal ini dapat dikenal pasti dengan merujuk kepada kajian dan ulasan ulama-ulama hadis yang terkenal.

Ada yang merasakan bahawa dengan adanya sesuatu hadis dalam salah satu dari empat buku tadi maka ini menandakan bahawa hadis itu sahih. Perkara ini adalah sangkaan semata-mata. Jika kita membaca buku *Sunan al Tirmizi* atau nama lainnya *al Jami' al Kabir*, kita akan mendapati bahawa al Tirmizi tidak bertujuan untuk mengumpulkan

---

[1] Menurut sesetengah pengkaji seperti Basyar Awwad Ma'ruf, nama sebenar *Sunan al Tirmizi* ialah *al Jami' al Kabir*. Namun ia popular dengan nama *Sunan al Tirmizi* sedangkan ia bukan nama sebenar buku itu. Perlu juga diingatkan bahawa menamakan buku ini sebagai Sahih al Tirmizi adalah kurang tepat.

hadis-hadis sahih dan hasan sahaja. Malah beliau ada menyebut beberapa hadis yang beliau sendiri nyatakan sebagai hadis dhaif. Kadangkala beliau menukilkan kata-kata gurunya iaitu al Bukhari dalam mengkritik dan mendhaifkan beberapa hadis.

Sebagai contoh, terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al Tirmizi di dalam bukunya *al Jami' al Kabir* atau *Sunan al Tirmizi* yang menceritakan amaran Nabi SAW bahawa orang yang mampu tetapi tidak menunaikan haji, maka dia berkemungkinan mati sebagai Yahudi atau Kristian. Selepas al Tirmizi menyebutkan hadis ini berserta sanadnya, beliau berkata: "Di dalam sanadnya ada kecacatan dan Hilal Ibn Abdullah adalah tidak dikenali (majhul) dan al Harith didhaifkan dalam bidang hadis". Kedua-dua mereka adalah periwayat hadis tersebut [1]. Kecacatan ini menjadikan hadis tersebut dhaif.

Begitu juga bagi yang membaca *Sunan Abu Daud* akan mendapati bahawa terdapat hadis-hadis yang ada di dalam buku itu dikritik oleh Abu Daud sendiri. Hal ini dapat dilihat pada hadis yang berbunyi **"Letakkanlah manusia itu pada kedudukan masing-masing"**. Maksud hadis tersebut ialah berkomunikasilah dengan manusia sekadar kemampuan mereka. Setelah mengemukakan hadis tersebut Abu Daud berkata: "Maimun (salah seorang periwayat hadis tersebut) tidak bertemu dengan Aisyah (isteri Nabi SAW)"[2]. Ini bermakna Abu Daud mengkritik hadis tersebut dengan satu kecacatan

---

[1] Hadis ini berserta huraian al Tirmizi boleh dilihat dalam *al Jami' al Kabir* (hadis nombor 812).

[2] *Sunan Abu Daud* (hadis nombor 4842).

iaitu sanadnya terputus di antara Maimun Ibn Abi Syabib dan Aisyah. Sanad yang terputus adalah antara penyebab sesuatu hadis menjadi dhaif.

Sekiranya para pembaca membaca dengan lebih luas, pasti akan bertemu dengan buku-buku ini yang dicetak bersama kajian dan semakan atau yang lebih dikenali dengan istilah *tahqiq*. Istilah *tahqiq* membawa maksud kajian semula terhadap teks sesuatu buku hadis dan juga pengkajian terhadap kesahihan hadis-hadis di dalam buku itu. Proses *tahqiq* telah membuktikan bahawa terdapat hadis-hadis yang tidak sahih di dalam keempat-empat buku sunan.

Sebagai contoh, buku *Sunan al Tirmizi* telah dikaji oleh beberapa orang ulama hadis. Bagi mereka yang membaca buku *Sunan al Tirmizi*, mereka akan mendapati bahawa al Tirmizi sentiasa memberikan pendapatnya di hujung setiap hadis yang ada di dalam bukunya sama ada sahih atau tidak. Pendapat al Tirmizi ini menjadi perbincangan di kalangan ulama hadis sejak dahulu hingga kini. Di antara ulama hadis zaman ini yang melakukan proses *tahqiq* terhadap buku *Sunan al Tirmizi* ialah Ahmad Syakir[1], Muhammad Nasiruddin al Albani[2], Basyar Awwad

---

[1] *Tahqiq* Ahmad Syakir telah dicetak dalam 4 jilid. 2 jilid yang pertama memuatkan hasil kajian beliau manakala 2 jilid yang terakhir dicetak selepas kematian beliau tanpa sebarang kajian.

[2] Kajian al Albani telah dicetak dalam 2 bentuk iaitu Sahih *Sunan al Tirmizi* dan Dhaif *Sunan al Tirmizi*. Pengasingan ini telah banyak membantu untuk mendapat maklumat tentang kesahihan sesuatu hadis dengan lebih cepat.

Ma'ruf[1] dan lain-lain lagi. Selepas buku ini dicetak bersama dengan *tahqiq* yang telah dibuat oleh mereka, terdapat beberapa pembetulan yang mereka lakukan terhadap pendapat dan pandangan al Tirmizi. Beberapa pembetulan dari al Albani, Ahmad Syakir, Basyar Awwad dan selain mereka memberi maksud bahawa apa yang dihasilkan oleh al Tirmizi (hukum dan kedudukan hadis) adalah ijtihad yang dilakukan oleh mana-mana ulama hadis berdasarkan ilmu *Mustolah al Hadith*. Sekiranya ijtihad beliau atau sesiapa sahaja menepati kaedah *Mustolah al Hadith*, maka ijtihad tersebut diterima dan jika tidak, maka ijtihad ini boleh ditolak kerana kaedah-kaedah pengkajian hadis dalam bidang *Mustolah al Hadith* adalah piawaian yang ditetapkan untuk menilai sesuatu hadis.

Dengan ini kita dapati anggapan bahawa semua hadis yang diriwayatkan oleh al Tirmizi, Abu Daud, Ibnu Majah dan al Nasaai adalah sahih merupakan anggapan yang tidak tepat. Hanya hadis-hadis dari *Sahih al Bukhari* dan *Sahih Muslim* sahaja yang memiliki kekuatan untuk diiktiraf sebagai hadis yang sahih atau hasan.

Kajian ilmiah telah membuktikan bahawa bukan hanya hadis-hadis dhaif yang telah ditemui dalam kitab-kitab sunan malah terdapat juga hadis-hadis palsu yang telah ditemui dalam *Sunan al Tirmizi*, *Sunan Abu Daud* dan *Sunan Ibn Majah*. Ketiga-tiga buku ini telah dikaji sejak zaman berzaman dan para pengkaji telah menemui hadis-hadis yang boleh dikategorikan sebagai palsu dalam buku-buku tersebut. Namun begitu, *Sunan al Nasaai* telah dibuktikan bersih daripada hadis-hadis palsu. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut serta melihat sendiri contoh-

---

[1] Kajian beliau telah dicetak dalam 6 jilid. Beliau membuat beberapa pembetulan terhadap kajian Ahmad Syakir, al Albani dan ulama hadis lain.

contoh hadis palsu dalam kitab-kitab sunan, para pembaca dinasihatkan supaya membeli sebuah buku kecil yang berjudul *Hadis-Hadis Palsu Dalam Kitab 4 Sunan* yang merupakan karya terjemahan daripada buku asal yang dikarang oleh Muhammad Syauman al Ramli. Buku ini telah diterjemahkan oleh Ali al Bawazeer dan dicetak oleh Pustaka al Sunnah, Indonesia. Beliau mengumpulkan hadis-hadis yang hasil kajian Muhammad Nasiruddin al Albani.

Soalan # 10:

Bagaimana darjat hadis dalam buku-buku selain Kutub al Sittah?

Jawapan:

Begitu juga buku-buku hadis selain *Sahih al Bukhari*, *Sahih Muslim* dan buku-buku sunan, maka hadis-hadisnya tidak semuanya sahih. Untuk mengetahui kesahihan sesuatu hadis, kita memerlukan penyelidikan. Contohnya buku *al Musnad* karya Ahmad bin Hanbal[1] yang mengandungi hampir 28,000 hadis, buku *al Mustadrak*[2] karya al Hakim

---

[1] Buku ini pernah dikaji oleh Ahmad Syakir namun tidak berjaya menghabiskannya. Pada tahun 2001, Muassasah al Risalah atau al Risalah Publishers telah mencetaknya dengan lengkap setelah selesai dikaji semua hadisnya oleh Syuaib al Arnaouth dan rakan-rakannya di unit penyelidikan syarikat tersebut. Setiap hadis dikaji dan diberikan kedudukan sama ada sahih atau tidak. www.saaid.net telah memuatkan edisi ringkas kajian tersebut untuk dimuat turun oleh pengguna internet.

[2] Buku ini memuatkan hadis-hadis sahih, dhaif dan palsu. Oleh itu, menjadi satu kesalahan apabila sesetengah ulama menamakannya sebagai *Sahih al Hakim* sama seperti *Sahih al Bukhari* dan sebagainya. Ini kerana Al Hakim terlalu mudah menyatakan sesuatu hadis itu sahih sedangkan terdapat kecacatan di dalamnya. Antara yang telah menyemak kembali buku ini ialah al Zahabi. Semakan al Zahabi juga perlu dikaji kerana ia juga dikatakan tidak 100% tepat.

(405H), buku-buku *al Mu'jam al Kabir*[1], *al Awsath* dan *al Saghir* karya al Thabarani (360H), *Sahih Ibn Khuzaimah* (311H), *Sahih Ibn Hibban*[2] serta buku-buku hadis lain yang dikumpulkan oleh ulama-ulama hadis seperti al Darimi (250H)[3], Ibnu al Sunni (364H)[4], al Baihaqi (458H), al Bazzar (292H), Abu Ya'la (307H)[5] dan lain-lain lagi. Kesemua buku ini telah dicetak dan kebanyakannya dicetak bersama semakan dan kajian oleh pengkaji-pengkaji hadis. Maka tanggungjawab kita ialah melihat hasil kajian mereka untuk mengenal pasti hadis-hadis yang nyata datangnya dari Nabi SAW dan juga yang diragui kebenarannya dari baginda SAW. Bukan sekadar menyebut.... "hadis riwayat al Baihaqi", "hadis ini ada dalam buku *al Musnad*" dan sebagainya. Itu tidak mencukupi untuk memastikan hadis tersebut sahih.

---

[1] Setakat pengetahuan penulis, buku ini telah dicetak dan disemak hadis-hadisnya oleh Hamdi Abd. Majid al Salafi yang merupakan pengkaji hadis terkemuka zaman ini berketurunan Kurdish dari Iraq.

[2] Antara cetakan yang lengkap membicarakan kedudukan hadis-hadis *Sahih Ibn Hibban* ialah cetakan Muassasah al Risalah yang dikaji oleh Syuaib al Arnaouth.

[3] Buku ini telah dicetak dengan pelbagai cetakan. Antara cetakan yang baik ialah cetakan bersama kajian Husain al Asad al Darani.

[4] Buku Ibnu al Sunni yang terkenal ialah *Amal al Yaum wa al Lailah*. Buku ini telah dicetak dan disemak oleh beberapa orang pengkaji hadis terkini.

[5] *Al Musnad* karya Abu Ya'la telah dicetak dengan kajian yang dibuat oleh Husain al Asad al Darani yang merupakan salah seorang pengkaji hadis zaman ini.

Soalan # 11:

Apakah kepentingan kita mengetahui sama ada sesuatu hadis itu sahih atau tidak?

Jawapan:

Mengetahui kesahihan sesuatu hadis adalah penting. Ia bukan sahaja penting, malah ia merupakan kewajipan yang dituntut ke atas umat Islam. Menurut dua orang pengkaji hadis masa kini – Abd. Qadir al Arnaouth (2004M) dan Syuaib al Arnaouth – dalam muqaddimah bagi kajian mereka terhadap buku *Zad al Ma'ad Fi Hadyi Khair al Ibad* karya Ibn Qayyim al Jauziyyah (751H):

> Persoalan kajian tentang hadis sahih dan dhaif adalah persoalan yang memerlukan perhatian yang lebih daripada perkara-perkara lain. Khasnya pada zaman ini di mana ilmu ini hampir pupus dan amat jarang kita temui orang yang mampu melakukannya dan bersabar atas segala susah payahnya. Maka kita dapati banyak hadis-hadis dhaif dan palsu yang berlegar di mulut-mulut orang ramai iaitu daripada kalangan para khatib, guru-guru dan penulis-penulis. Hadis-hadis ini diambil oleh orang ramai seterusnya dipercayainya sebagai hadis sahih dan diamalkannya [1].

---

[1] *Zad al Ma'ad Fi Hadyi Khair al 'Ibad* – Ibnu Qayyim al Jauziyyah – jilid 1 – muka surat 11 – cetakan ketiga 1998 – Muassasah al Risalah)

Di sini elok kita melihat kata-kata Pengerusi Majlis Fatwa Eropah yang juga merupakan ahli fiqh terkenal pada zaman ini iaitu Yusof al Qaradhawi yang menyebut:

> Sesungguhnya hadis dhaif tidak digunakan sebagai dalil dalam menentukan hukum[1].

Seorang imam hadis yang terkenal, Muslim pernah menyebut bahawa:

> Dan ketahuilah, semoga ALLAH memberikan kamu petunjuk, bahawa sesungguhnya satu kewajipan kepada setiap orang yang telah mengetahui cara membezakan di antara riwayat yang sahih dan yang dhaif serta mampu membezakan antara periwayat-periwayat yang dipercayai dengan yang dikritik (dhaif) supaya tidak meriwayatkan melainkan riwayat yang diketahui kesahihannya dan kebaikan periwayatnya. Dan dia perlu mengelakkan dari riwayat-riwayat yang datang dari orang-orang yang dikritik dan orang-orang yang melakukan bid'ah[2].

---

1 *Taisir al Fiqh Li al Muslim al Mu'ashir* – Yusof al Qaradhawi – muka surat 58 – cetakan pertama tahun 2000 – Muassasah al Risalah, Beirut

2 Pendahuluan *Sahih Muslim*.

Soalan # 12:

Bagaimanakah caranya seseorang ingin memastikan kesahihan sesuatu hadis yang ditemuinya?

Jawapan:

Cara kita ingin mengkaji sesuatu hadis bergantung kepada sejauh mana ilmu dan pengetahuan kita dalam bidang hadis. Untuk mereka yang ingin tahu, saya cadangkan di sini cara dan kaedah untuk menganalisis sesuatu hadis:

1- Bagi mereka yang menguasai bahasa Arab dan mampu membaca hasil kajian para ulama hadis terdahulu, maka cara untuk menganalisis sesuatu hadis ialah dengan menyemak terlebih dahulu apa yang telah dikatakan oleh ulama-ulama hadis tentang hadis tersebut. Sebagai contoh, jika kita bertemu dengan sebuah hadis yang terdapat dalam buku *al Jami' al Kabir* atau *Sunan al Tirmizi*, maka kita mestilah melihat apa kata Abu Bakr Ibn al Arabi dalam *Aridhat al Ahwazi*, komen al Mubarakfuri dalam *Tuhfatu al Ahwazi*, kata pengkaji dan penyemak *Sunan al Tirmizi* seperti Ahmad Syakir, al Albani, Basyar Awwad Ma'ruf dan lain-lain lagi. Setelah pandangan mereka ditemui, nilailah dengan melihat kekuatan hujah masing-masing. Mungkin hadis yang sama ada dalam buku-buku lain. Maka perlulah kita melihat apa kata pengkaji buku tersebut.

2- Sekiranya telah lama berpengalaman dalam membaca kajian ulama, bolehlah mempraktikkan teori mustolah hadis dengan mengeluarkan sanad-sanad hadis tersebut lalu disemak satu persatu kedudukan periwayatnya. Ini boleh dilakukan dengan menyemak apa pandangan para ulama dalam bidang *al Jarh wa at Ta'dil* (pujian dan kritikan terhadap periwayat) seperti buku *Tahrir Taqrib al Tahzib*[1] , *Tahzib al Kamal*[2], *Mizan al I'tidal*[3] dan lain-lain lagi. Kajian ini dibandingkan dan digabungkan pula dengan langkah pertama tadi, maka hasilnya akan bertambahlah ilmu dan maklumat kita dalam pengkajian hadis.

3- Bagi mereka yang tidak mampu, maka perlulah mengambil pandangan mereka yang tahu. Kalau dalam perubatan kita merujuk kepada doktor atau ahli farmasi, dalam kejuruteraan kita akan merujuk kepada jurutera, maka dalam bidang hadis, rujuklah kepada para ilmuwan yang tahu dan berpengalaman dalam bidang pengkajian hadis.

4- Membaca buku-buku hadis yang telah diterjemah juga merupakan satu cara untuk mengetahui kesahihan hadis. Perkara ini penting terutama buku-buku yang telah diberi komen tentang kedudukan atau darjat sesuatu hadis sama ada sahih

---

[1] Buku ini asalnya adalah buku *Taqrib al Tahzib* karya Ibnu Hajar al Asqalani. Setelah dibuat pembetulan dan kajian oleh Basyar Awwad Ma'ruf dan Syuaib al Arnaouth, ia dicetak dengan nama *Tahrir Taqrib al Tahzib.*

[2] Karya al Mizzi yang merupakan seorang pakar kajian periwayat. Bukunya diiktiraf antara buku terbaik pernah ditulis dalam bidang ini.

[3] Karya al Zahabi (meninggal 748H).

atau tidak. Contohnya buku-buku seperti *Koleksi Hadis-Hadis Nabi* (4 jilid) yang dicetak oleh syarikat Jahabersa. Buku ini telah diberi nota kaki yang membicarakan tentang darjat hadis bersumberkan al Albani. Terdapat juga buku lain seperti *Sahih Sunan Abu Daud* yang diterjemahkan dalam bahasa Indonesia dan lain-lain lagi.

Soalan # 13:

Adakah ilmu pengkajian hadis hanya terhad kepada pengkajian yang telah dibuat oleh ulama silam? Bagaimana pula perkembangan ilmu hadis pada zaman ini?

Jawapan:

Pada zaman moden ini lahir segolongan yang mengkaji hadis dan menyemaknya bagi memastikan adakah hadis itu sahih atau tidak. Mereka meneruskan jejak langkah para ulama muhaddithin terdahulu dengan mempraktikkan ilmu *Mustolah al Hadith* dan tidak hanya sekadar menghafal teori-teorinya sahaja tanpa digunakan. Elok rasanya kita melihat dengan ringkas apakah respon daripada masyarakat Islam yang melihat perkembangan ilmu hadis ini. Secara mudahnya kita dapat bahagikan respon mereka ini kepada tiga kumpulan seperti berikut:

1. Golongan yang menerima kemunculan pengkaji-pengkaji hadis moden ini dengan positif. Mereka mengambil segala ilmu yang disampaikan dan menghargai segala kajian yang dibuat oleh para pengkaji hadis pada masa ini. Inilah prinsip yang terbaik dan pendirian yang paling tepat.

2. Golongan yang melihat kemunculan pengkaji-pengkaji hadis ini sebagai satu perkara yang negatif dan tidak ada kepentingannya. Mereka masih menganggap bahawa tidak ada ulama pada masa ini yang boleh menandingi kehebatan ulama hadis silam. Mereka

hanya berpegang kepada pendapat-pendapat ulama silam tanpa mempersoalkan sama ada hujahnya kuat atau lemah.

3. Golongan yang tidak sedar tentang kemunculan pengkaji hadis ini dan mereka hidup tanpa menghiraukan perkembangan ini. Mereka tidak melihat ilmu hadis sebagai satu perkara yang penting terutama pada zaman ini yang banyak mementingkan kebendaan lebih dari keagamaan.

Pengkajian hadis tidak mungkin terhenti pada zaman silam semata-mata. Ilmu pengkajian adalah berdasarkan maklumat, pemerhatian dan ijtihad. Ijtihad tidak terhenti kepada mana-mana zaman. Ia terus berkembang dan diterima selagi mana tidak menyanggahi kaedah asas yang telah ditetapkan dalam agama. Begitu juga halnya dengan ilmu pengkajian hadis. Ia adalah ilmu yang terus hidup dan diwarisi oleh generasi demi generasi.

Soalan # 14:

Siapakah di antara pengkaji hadis terkemuka pada zaman ini?

Jawapan:

Berikut adalah senarai yang mengumpulkan nama beberapa orang pengkaji hadis pada masa ini untuk pengetahuan dan peringatan kita bersama. Semoga kita akan sama-sama membaca buku-buku yang mereka hasilkan untuk mendapat maklumat terkini tentang pengkajian hadis pada masa ini. Ada di antara mereka yang telah meninggal dunia dan ada yang masih hidup tetapi buku-buku mereka boleh didapati sehingga ke hari ini. Senarai ini adalah sekadar pengetahuan penulis dan bukannya senarai yang muktamad.

Para ulama hadis ini telah berusaha mempraktikkan segala teori dalam *Mustolah Hadith*. Maka kajian mereka bukanlah satu perkara yang salah atau pelik kerana mereka tetap menggunakan kaedah dan metodologi yang sama secara asasnya melalui teori-teori Mustolah Hadith. Maka selama mana mereka menggunakan kaedah itu, kita boleh pastikan adakah mereka benar-benar menggunakannya dengan tepat atau mereka telah melakukan kesilapan dalam pengkajian mereka. Itu dapat kita jawab sekiranya kita mula belajar meneliti hasil kajian mereka dan berusaha menurut jejak langkah mereka, insya ALLAH.

1- Ahmad Muhammad Syakir. Seorang pengkaji hadis yang menjadi kebanggaan Mesir pada sekitar tahun 40-an dan 50-an. Beliau merupakan seorang pengkaji yang tidak mengenal penat dan

lelah dalam menyebarkan ilmu tentang kajian hadis. Berkelulusan Ijazah Alamiyyah (Phd) dari Universiti al Azhar, beliau turut mendapat pengiktirafan daripada barisan kepimpinan Universiti al Azhar yang meminta beliau menghasilkan buku dan kajian berkaitan hadis. Di antara buku yang beliau hasilkan ialah beberapa kajian atau *tahqiq* yang dilakukan ke atas buku-buku terkenal seperti *Tafsir al Thobari, Musnad Ahmad, Sahih Ibn Hibban, Jami' al Tirmizi*[1] dan lain-lain lagi. Maklumat lanjut tentang kehidupan beliau dan buku-buku yang beliau hasilkan boleh didapati dalam pendahuluan buku *Sahih Ibn Hibban* yang ditulis oleh Syuaib al Arnaouth (cetakan Muassasah al Risalah) dan juga buku yang ditulis oleh Umar Hasan al Qayyam bertajuk *Mahmud Syakir – al Rajulu wa al Manhaj* (cetakan Muassasah al Risalah). Beliau meninggal pada tahun 1958 di Mesir.

2- Muhammad Nasiruddin al Albani. Seorang alim hadis yang dilahirkan di Albania dan membesar di Syria. Beliau boleh dikatakan sebagai satu 'icon' dalam bidang hadis moden. Tidak ada seorang pun yang menceburi bidang hadis akan terlepas pandang buku-buku al Albani yang sememangnya dikagumi berdasarkan usahanya dan pembacaannya yang meluas. Beliau meninggal dunia di Jordan pada tahun 1999. Sepanjang hayatnya beliau telah menghasilkan terlalu banyak buku samada dalam bentuk tulisannya atau kajian yang beliau lakukan

---

[1] Sayangnya penulis mendapati bahawa buku ini dicetak dengan nama *Sahih al Tirmizi*! Sedangkan itu bukanlah nama sebenar buku tersebut. Tidak semua hadis di dalamnya sahih, maka kita tidak boleh menyatakan bahawa ia adalah sahih kesemuanya.

terhadap buku-buku lain. Di antara bukunya yang terkenal ialah dua buku yang amat disayangi oleh beliau iaitu *Silsilah al Ahadith al Shahihah* dan *Silsilah al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah*. Buku pertama mengumpulkan hadis-hadis sahih yang beliau temui sepanjang kajiannya dan buku kedua mengumpulkan hadis-hadis dhaif dan palsu yang beliau temui dengan huraian yang panjang lebar. Di antara buku-bukunya yang lain ialah kajiannya terhadap empat buku sunan (al Tirmizi, al Nasaai, Abu Daud dan Ibn Majah) dan dicetak dalam keadaan telah diasingkan di antara hadis-hadis sahih dan dhaif serta palsu. Beliau pernah dianugerahi pingat oleh negara Arab Saudi atas segala jasa baktinya dan sumbangannya dalam bidang hadis. Untuk mengetahui sejarahnya yang lebih lanjut serta ingin membaca segala hasil tulisannya, bolehlah melayari laman webnya iaitu www.alalbany.net.

3- Syuaib al Arnaouth yang berasal dari Albania, membesar di Syria dan sekarang masih hidup dan menetap di Jordan. Beliau merupakan seorang pengkaji hadis yang dianggap sebagai pewaris generasi al Albani. Beliau telah lama berpengalaman mengkaji hadis-hadis di dalam buku-buku yang beliau telah semak. Di antara buku yang telah disemak oleh beliau ialah *Syarhu al Sunnah* oleh al Baghawi, *Sahih Ibn Hibban*[1], *Syarh Musykil al Athar* oleh al Thohawi (321H), *Siyar A'lam al Nubala'* oleh al Zahabi (748H) dan banyak lagi. Namun hasil karya beliau yang paling terkenal ialah kajiannya terhadap *al Musnad* karya Ahmad bin Hanbal. Beliau mengetuai sekumpulan pengkaji hadis

[1] Buku hasil karya Muhammad Ibn Hibban al Busti (354H).

lain melakukan semakan terhadap setiap hadis buku *al Musnad* (jumlahnya lebih kurang 28,000 hadis) dan menjelaskan samada hadis itu sahih atau tidak. Inilah kali pertama buku *al Musnad* ini habis disemak kerana Ahmad Syakir yang telah mula menyemaknya tidak sempat untuk menghabiskannya. Syuaib al Arnaouth telah melihat segala kajian yang sempat dibuat oleh Ahmad Syakir lalu menyempurnakannya dan melakukan pembetulan di tempat yang sepatutnya sehinggalah buku itu siap. Buku *al Musnad* telah dicetak dalam 50 jilid oleh Muassasah al Risalah. Beliau sekarang mengetuai unit penyelidikan bagi syarikat Muassasah al Risalah atau Risalah Publishers. Pada tahun 2004, syarikat ini telah pun menerbitkan buku *Sunan al Daraquthni* sebanyak 6 jilid dan disemak hadis-hadis di dalamnya oleh beliau serta pengkaji-pengkaji lain. Di antara buku yang menceritakan secara khusus tentang beliau dan cara pemikiran serta kajian beliau ialah buku *al Muhaddith*, Syuaib al Arnaouth yang dikarang oleh Ibrahim al Kufaji dan diterbitkan oleh Dar al Basyir, Jordan.

4- Ahmad Ibn al Shiddiq al Ghumari. Beliau merupakan seorang ahli hadis yang terkenal dari negara Maghribi. Tiada siapa dapat menafikan kehebatannya dalam bidang hadis berdasarkan ketelitiannya dalam semua penulisannya. Di antara karya beliau yang termasyhur ialah buku *al Mughir* yang merupakan himpunan hadis palsu yang beliau temui dalam buku *al Jami' al Shoghir*

karya al Suyuthi (911H), buku *al Hidayah Fi Takhrij Ahadith al Bidayah*[1] dan lain-lain lagi. Beliau meninggal pada 1960M.

5- Abd. Qadir al Arnaouth yang berasal dari Albania. Beliau membesar dan meninggal di Syria pada tahun 2004. Beliau tidak ada pertalian darah dengan Syuaib al Arnaouth tetapi mereka merupakan rakan karib. Beberapa buah buku yang telah dikaji secara bersama oleh beliau dan Syuaib al Arnaouth adalah *Zad al Ma'ad Fi Hadyi Khair al 'Ibad* karya Ibn Qayyim al Jauziyyah, Zad al Masir karya Ibn al Jauzi (597H), *Raudhatu al Tholibin* karya al Nawawi dan lain-lain lagi. Beliau amat dikenali dengan ketegasan dan ilmunya di Syria. Beliau amat menyanjungi hasil karya ulama hadis lain seperti al Albani yang boleh dikatakan sebaya dengan beliau. Pemergiannya pada 2004 yang lalu telah ditangisi oleh tokoh-tokoh ilmuan dunia Arab yang mengiktiraf jasanya dalam pengkajian hadis moden. Di antara buku kajian beliau yang terkenal ialah buku *Jami' al Ushul* oleh Ibn al Athir.

6- Basyar Awwad Ma'ruf yang merupakan seorang pensyarah sejarah Islam di Iraq. Pernah menjawat jawatan penting semasa zaman pemerintahan Saddam Hussein seperti Presiden Universiti Saddam dan pensyarah di beberapa buah universiti di sana. Merupakan rakan kepada Syuaib al Arnaouth yang lebih tua daripada beliau. Beliau diberitakan masih hidup dan menetap di Iraq dan semoga ALLAH melindungi beliau daripada sebarang keburukan. Pembaca yang pernah menatap buku-buku kajiannya

---

[1] Buku ini menyemak kembali hadis-hadis dalam buku *Bidayatul Mujtahid* karya Ibnu al Rusyd.

seperti *Tahzib al Kamal* dan *Tuhfat al Asyraf* oleh al Mizzi (742H), *al Jami' al Kabir* oleh al Tirmizi, *Sunan Ibn Majah* dan sebagainya akan dapat melihat sejauh mana kehebatan Basyar dalam bidang riwayat dan pengkajian periwayat. Penulis diberitahu daripada satu sumber bahawa beliau sedang menyiapkan kajiannya terhadap buku Mizan al I'tidal oleh al Zahabi yang merupakan antara buku kajian periwayat hadis yang terkenal.

7- Murid-murid al Albani yang terkenal dan masih hidup seperti – Ali al Halabi, Hamdi Abd. Majid al Salafi, Salim Ibn Eid al Hilali dan lain-lain lagi. Mereka juga telah menghasilkan banyak buku serta kajian terhadap buku-buku lama sebagai bukti mereka telah menimba pengalaman yang banyak daripada al Albani.

8- Murid-murid Syuaib al Arnaouth seperti – Adil Mursyid, Muhammad Naim al Arqasusi, Hasan al Shalabi, Ibrahim al Zaibaq, Umar al Qayyam dan yang lain-lain. Kebanyakannya masih bekerja bersama Syuaib al Arnaouth di Muassasah al Risalah dan masih melakukan kajian di bawah pengawasan beliau.

9- Beberapa orang ulama hadis terkenal dari India seperti – Habiburrahman al A'zhumi, Mushtofa al Nadwi dan beberapa orang lagi.

10- Ahli hadis dari Maghribi seperti – Abdullah at Talidi yang merupakan antara anak murid utama bagi Ahmad Bin al Shiddiq al Ghumari. Di antara karyanya yang pernah saya temui ialah kajiannya terhadap buku *al Khoshoish al Nabawiyyah al Kubra* karya al Suyuthi.

11- Beberapa orang pengkaji hadis dari Arab Saudi – Abd. Muhsin al Abbad, Said al Qahthani, Khaldun al Ahdab.

12- Abd. Fattah Abu Ghuddah yang dilahirkan di Syria dan meninggal di Arab Saudi pada tahun 1996. Beliau banyak menghasilkan kajian-kajian ilmiah terhadap buku-buku dalam bidang hadis seperti buku-buku karya Abdul Hayyei al Laknawi yang merupakan salah seorang ulama hadis dari India dan beberapa buah buku yang lain.

13- Ulama-ulama lain seperti Husain al Asad, Abd. Rahman Ibn Abd. Khaliq, Mahmud Said Mamduh, Abdullah al Zuqail, Usamah al Utaibi, Mahir Yasin Fahl dan lain-lain lagi.

Kesemua mereka ini adalah pengkaji hadis pada zaman ini yang terkenal dan memang diiktiraf oleh dunia Islam berdasarkan buku-buku bermanfaat yang telah mereka hasilkan. Kajian mereka tidak semestinya seratus peratus tepat tetapi mereka telah berusaha untuk mengkaji berdasarkan kemampuan masing-masing. Inilah yang kita perlu manfaatkan iaitu dengan mengkaji segala kajian mereka. Walaupun antara mereka ada yang telah meninggal dunia, namun hasil karya yang mereka tinggalkan amat banyak.

Soalan # 15:

Ada pendapat yang mengatakan bahawa kita boleh beramal dengan hadis dhaif. Apakah maksud beramal dengan hadis dhaif dan adakah ia memang dibenarkan?

Jawapan:

Ada pendapat yang telah lama tersebar dalam kalangan agamawan sama ada di negara luar atau di negara kita. Pendapat tersebut ialah kita boleh beramal dengan apa sahaja hadis selagi ia tidak palsu. Beramal dengan hadis dhaif bermaksud: Kita beramal dengan amalan-amalan yang digalakkan atau disebut fadhilatnya di dalam hadis dhaif. Maksud pendapat ini ialah kita sebenarnya tidak perlu terlalu teliti dalam mengkaji hadis-hadis ini kerana kalau sekiranya hadis tersebut dhaif sekalipun, ia masih boleh diamalkan. Ada yang menyangka bahawa pendapat ini adalah pendapat yang telah disepakati (Ijma' atau Ittifaq).

Menurut salah seorang ulama hadis zaman ini, Abdullah al Talidi:

> Dan pendapat yang memudahkan untuk mengambil hadis dhaif dalam bab sirah (termasuklah bab fadhail) mesti ditinggalkan pada zaman ini dan haruslah mengambil pendapat Yahya Ibn Ma'in (232H), al Bukhari dan Muslim. Pendapat ini yang dinamakan sebagai pendapat orang yang 'mutasyaddid' (tegas) yang tidak menerima kecuali yang sahih tidak kira apa

jua tajuknya (sama ada dalam bidang hukum-hakam atau fadhail)[1].

Untuk menjelaskan perkara ini dengan seringkas mungkin, saya kemukakan perkara-perkara berikut untuk perhatian kita bersama. Sekiranya para pembaca bersetuju dengan pandangan-pandangan ini, maka ambillah sebagai pedoman :

1- Tidak ada ijma atau ittifaq (kesepakatan) dalam kalangan semua ulama bahawa dibolehkan beramal dengan hadis dhaif. Maka dakwaan bahawa telah disepakati boleh beramal dengan hadis dhaif adalah dakwaan yang tidak tepat sama sekali. Apabila sesuatu perkara itu belum disepakati, maka perlulah kita berusaha untuk mencari pendapat yang terbaik berdasarkan hujah.

2- Kata seorang pengkaji hadis yang terkenal pada zaman ini, Muhammad Nasiruddin al Albani: "Telah masyhur di kalangan ramai ahli ilmu dan penuntutnya bahawa hadis dhaif boleh diamalkan di dalam fadhilat amalan dan mereka menyangka bahawa tiada perselisihan dalam pendapat tersebut". Seterusnya al Albani menyebut antara sebab utama ramai berpendapat sebegitu ialah kata-kata al Nawawi (676H). Al Nawawi dalam banyak bukunya menyatakan telah disepakati oleh para ulama bahawa boleh beramal dengan hadis dhaif. Pendapat al Nawawi itu diragui ketepatannya kerana terdapat

---

[1] *Tahzib al Khashaish an Nabawiyyah al Kubra* – as Suyuthi – muka surat 8 – cetakan kedua, 1410H – Dar al Basyair al Islamiyyah, Lubnan.

ulama-ulama lain dalam bidang hadis yang tidak sependapat dengan beliau. Al Albani menyebutkan beberapa tokoh yang menolak pendapat tersebut seperti Yahya Ibn Ma'in, Abu Bakr Ibn al Arabi, Ibn Hazm (456H) dan sebagainya[1].

3- Para ulama yang membenarkan kita beramal dengan hadis dhaif telah meletakkan syarat-syarat tertentu sebelum sesuatu hadis dhaif diamalkan. Pendapat ini merupakan pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Hajar al Asqalani. Antara syaratnya ialah: - sanad hadis itu tidak terlalu dhaif, kandungan hadis itu mestilah berkaitan amalan-amalan sahaja dan bukan perkara aqidah atau hukum-hakam, amalan yang dibuat mestilah telah sedia dimaklumi asasnya dalam nas-nas Al Quran dan hadis-hadis sahih (maksudnya ia tidak membawa amalan baru yang tidak ada asas) dan syarat terakhir ialah jangan kita menyebut bahawa hadis dhaif itu benar-benar datang daripada Nabi SAW.

4- Syarat-syarat yang diletakkan tadi sebenarnya terlalu sukar untuk dikaji dan dinilai kecuali dari seseorang yang bergelar pengkaji hadis atau muhaddith.

5- Kita mendapati ramai ulama dan pengkaji hadis moden memutuskan bahawa pendapat yang paling tepat dan selamat ialah beramal dengan hadis sahih dan tidak beramal dengan hadis dhaif. Di antara mereka ialah Yusof al Qaradhawi, Muhammad Nasiruddin al Albani, Muhammad Ajjaj al Khathib,

---

[1] *Tamam al Minnah Fi al Ta'liq Ala Fiqh al Sunnah* – al Albani – muka surat 34 – cetakan keempat 1417H – Dar ar Rayah, Riyadh.

Ahmad Syakir, Syuaib al Arnaouth, Abdul Qadir al Arnaouth dan lain-lain lagi.

6- Hadis-hadis sahih sudah banyak dan mencukupi untuk kita jadikan sebagai dalil dan hujah dalam amalan ibadah dan amalan seharian.

7- Suka saya ingatkan di sini dengan kata-kata Ibn Hajar al Asqalani dalam bukunya *Tabyin al Ajab* yang menggariskan syarat tambahan bagi mereka yang ingin beramal dengan hadis dhaif. Syarat tambahan itu ialah: "Tidak menghebahkannya kepada orang ramai sehingga orang-orang yang jahil menyangka bahawa amalan tersebut adalah dari hadis sahih"[1]. Lihatlah betapa berhati-hatinya beliau dalam membenarkan seseorang beramal dengan hadis-hadis dhaif.

8- Menurut seorang penulis dalam bidang hadis, Subhi al Solih : "Tidak syak lagi menurut pandangan agama bahawa sebarang riwayat yang dhaif tidak dapat dijadikan sebagai sumber hukum syarak dan tidak juga kepada sifat akhlak yang mulia kerana sangkaan (zan) tidak dapat mengatasi kebenaran. Fada'il (kelebihan ibadah) sama seperti ahkam (hukum-hukum) yang tergolong dalam asas-asas agama yang penting dan tidak

---

[1] Kata-kata ini saya ambil daripada buku *Silsilah al Ahadith al Dhaifah* – al Albani – huraian hadis no. 451. Sifat para ulama terdahulu terlalu berhati-hati pada tempat yang perlu diteliti.

mungkin asas-asas agama ini dibina di atas asas yang lemah dan tidak kukuh"[1].

9- Salah seorang ulama hadis terkemuka dari Syria, Badruddin al Hasani telah menambah dua lagi syarat untuk beramal dengan hadis dhaif iaitu: "Tidak mengaitkan lafaz hadis itu dengan Nabi SAW dan hadis dhaif itu mestilah tidak menyalahi hadis sahih atau hukum yang telah sedia diketahui"[2].

10- Menyatakan dengan mudah bahawa boleh beramal dengan hadis dhaif' adalah satu pernyataan yang terlalu umum dan boleh disalah fahami oleh mereka yang tidak mengetahui syarat-syarat yang perlu ada. Perkara ini mungkin menyebabkan ramai orang akan tersalah dalam mengambil hadis-hadis yang sangat dhaif atau palsu dan beramal dengannya. Maka adalah lebih baik dan selamat jika kita tumpukan ke arah beramal dengan hadis-hadis sahih.

---

1 *Ilmu Hadith Satu Pengenalan dan Kajian* – terjemahan oleh Arrifin Omar dan Mohd. Nor Ngah – muka surat 198 – Dewan Bahasa dan Pustaka.

2 Diambil daripada pendahuluan buku *Zad al Ma'ad Fi Hadyi Khair al Ibad* – Ibn Qayyim al Jauziyyah – muka surat 13 (nota kaki no. 2).

Soalan # 16:

Bagaimana munculnya hadis-hadis palsu?

Jawapan:

Hadis palsu adalah kata-kata yang direka dan dianggap atau dilabelkan sebagai hadis. Terdapat juga kata-kata hikmah daripada para sahabat, tabiin atau ulama yang disalah anggap sebagai hadis. Kesemua ini dikatakan sebagai hadis maudhu' atau hadis palsu. Persoalan tersebarnya hadis-hadis palsu adalah satu perkara yang serius dan perlu sama-sama ditangani oleh kita semua terutamanya golongan yang diberikan ilmu agama.

Terdapat banyak buku yang menceritakan dengan panjang lebar tentang sejarah kemunculan hadis-hadis palsu. Buku ini dikarang oleh para ulama sejak dahulu hingga kini. Namun saya ingin mencadangkan kepada para pembaca untuk meneliti sebuah buku yang ditulis oleh Abd. Fattah Abu Ghuddah yang bertajuk *Lamahat Fi Tarikh al Sunnah Wa Ulum al Hadith*. Sebahagian besar maklumat yang saya akan sebutkan seterusnya di sini diambil daripada buku ini.

Rasulullah Saw Telah Memberikan Isyarat Kemunculan Hadis Palsu

Jika kita membaca buku-buku hadis, kita akan bertemu dengan beberapa amaran daripada Rasulullah SAW tentang dosa mencipta hadis palsu dan bahaya menyebarkan kata-kata yang bukan daripada diri

Baginda SAW. Ini adalah merupakan satu tanda jelas bahawa pemalsuan hadis akan berlaku selepas Baginda SAW wafat. Di antara hadis yang jelas menyebutkan bahawa akan berlaku penipuan terhadap hadis-hadis Baginda SAW ialah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim di dalam *Sahih Muslim*:

يَكُونُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ دَجَّالُونَ كَذَّابُونَ يَأْتُونَكُمْ مِنَ الأَحَادِيثِ بِمَا لَمْ تَسْمَعُوا أَنْتُمْ وَلاَ آبَاؤُكُمْ فَإِيَّاكُمْ وَإِيَّاهُمْ لاَ يُضِلُّونَكُمْ وَلاَ يَفْتِنُونَكُمْ.

Maksudnya: **Akan ada pada akhir zaman umatku sekumpulan manusia bersifat seperti dajjal dan pembohong yang memberitahu kamu tentang hadis yang kamu tidak pernah mendengarnya dan juga tidak pernah didengari oleh bapa-bapa kamu. Janganlah mereka mendekati kamu dan janganlah kamu mendekati mereka. Janganlah mereka menyesatkan kamu dan menjatuhkan kamu ke dalam fitnah**[1].

Bilakah Bermulanya Pemalsuan Hadis?

Menurut Abd. Fattah Abu Ghuddah di dalam bukunya *Lamahat Min Tarikh al Sunnah*, permulaan jenayah pemalsuan hadis adalah pada sekitar tahun 40 Hijrah. Sebab utama yang memulakan jenayah ini ialah

---

[1] Hadis sahih riwayat Muslim dalam pendahuluan *Sahih Muslim* (hadis no. 15).

pertelingkahan dan perselisihan yang bermula sejak Khalifah Uthman Bin Affan gugur syahid dibunuh oleh golongan pemberontak[1].

Sebab-Sebab Hadis Palsu Dicipta

Terdapat banyak sebab yang menjadikan sebahagian manusia tergamak melakukan kesalahan yang amat besar ini iaitu memalsukan hadis. Sebab-sebab ini dapat dilihat dalam bentuk golongan yang menyebut hadis palsu. Secara ringkasnya saya sebutkan di sini beberapa golongan yang menyebut hadis-hadis palsu bersumberkan daripada tulisan Ali al Qari (1014H) dalam bukunya *al Mashnu' Fi Ma'rifati al Hadis al Maudhu*[2]. Ianya adalah seperti berikut :

1- Golongan yang terlalu tenggelam dalam zuhud tanpa ilmu sehingga daya ingatan mereka menjadi kurang dan tidak dapat membezakan di antara hadis atau kata-kata orang lain. Mereka tersilap lalu menyebut sesuatu sebagai hadis sedangkan yang sebenarnya bukan hadis.

2- Golongan ahli periwayat hadis yang tidak menghafaz hadis-hadis mereka. Maka apabila sesuatu berlaku kepada buku mereka, mereka tidak dapat mengingat dengan tepat apakah hadis yang telah mereka catatkan.

---

1 *Lamahat Min Tarikh al Sunnah Wa Ulum al Hadith* – Abd. Fattah Abu Ghuddah – muka surat 45 – cetakan Maktab al Mathbu'at al Islamiyyah, Halab, Syria.

2 *Lamahat Min Tarikh al Sunnah* – Abu Ghuddah – muka surat 44-45.

3- Golongan yang soleh tetapi disebabkan terlalu tua, mereka terkena penyakit nyanyuk lalu tersalah dalam menyebut hadis-hadis palsu[1].

4- Terdapat juga golongan yang tersalah meriwayatkan hadis-hadis palsu, tetapi setelah ditegur, mereka sombong dan enggan menarik balik kata-kata mereka.

5- Golongan zindiq yang jahat. Mereka mencipta hadis-hadis palsu bertujuan menyesatkan umat Islam.

6- Golongan yang taksub dengan mazhab masing-masing dan mencipta hadis-hadis palsu untuk menguatkan dan memenangkan mazhab mereka.

7- Golongan jahil yang mencipta hadis-hadis palsu kononnya untuk menggalakkan manusia melakukan ketaatan atau menggerunkan mereka daripada melakukan perkara maksiat.

8- Golongan yang menyatakan bahawa tidak mengapa meletakkan sanad palsu kepada kata-kata yang indah.

9- Golongan pengampu yang mencipta hadis-hadis agar mereka disayangi oleh pemerintah.

10- Golongan penceramah dan tukang cerita yang berceramah di masjid-masjid. Mereka mencipta atau meriwayatkan hadis palsu

---

[1] Golongan pertama, kedua dan ketiga ini memang wujud dari dulu hingga hari ini. Orang-orang yang soleh dan baik akhlaknya tidak semestinya alim dan berpengetahuan dalam bidang hadis. Begitu juga dengan orang-orang alim yang kurang mengingati hadis-hadis yang pernah dihafalnya satu ketika dahulu. Berhati-hati adalah satu kewajipan.

semata-mata untuk menarik minat masyarakat awam agar mereka mendapat banyak habuan kebendaan dan menjadi masyhur.

Sepuluh golongan ini ialah mereka yang dinyatakan oleh Ali al Qari sebagai golongan yang menjadi sumber datangnya hadis-hadis palsu. Kita dapat lihat dengan jelas bahawa ada di antara golongan yang disebutkan oleh Ali al Qari yang sememangnya jahat dan ada juga yang jahil atau tersilap.

Soalan # 17:

Apakah sebab-sebab yang menyebabkan hadis-hadis dhaif dan palsu tersebar dalam kalangan masyarakat?

Jawapan:

Penyebaran hadis-hadis dhaif dan palsu berlaku pada masa ini kerana beberapa sebab. Perkara ini sudah pasti sedikit berbeza dengan sebab-sebab hadis ini muncul pada zaman silam. Mengikut pandangan penulis sebab-sebab itu boleh kita bahagikan kepada beberapa sebab utama iaitu :

1- Sikap sebilangan pendakwah yang menyebarkan hadis-hadis ini tanpa usul periksa dan kajian. Memang ada di antara mereka yang berniat baik untuk menyampaikan ilmu kepada orang ramai. Namun perlu diingat bahawa niat yang ikhlas belum cukup dalam menyampaikan ilmu. Niat itu mesti disertakan dengan pembacaan dan perbincangan untuk memastikan kedudukan hadis yang ingin disampaikannya untuk mengelakkan daripada menceritakan hadis-hadis yang tidak sahih.

2- Sikap masyarakat yang terlalu menyanjung tinggi para pendakwah. Kebanyakan masyarakat kita sentiasa terkeliru di antara menghormati para penceramah dan memuja mereka. Kita dituntut oleh Islam untuk menghormati mereka yang memiliki ilmu. Tetapi ini tidak bermakna kita meletakkan mereka ke tahap yang terlalu tinggi seolah-olah mereka tidak pernah melakukan

kesilapan. Seperti kata Malik: "*Setiap manusia itu diambil pendapatnya dan ditolak (berdasarkan kebenaran) kecuali Rasulullah SAW*". Hanya Rasulullah SAW yang wajib kita terima segala ucapannya. Adapun manusia lain, kita dibenarkan menerima atau menolak pendapat mereka berdasarkan kajian.

3- Kurang publisiti (tulisan, rancangan televisyen atau radio, seminar) yang mengetengahkan isu ini. Jika perkara ini mula dibincangkan di sana sini, mungkin lebih mudah untuk kita menangani kewujudan hadis-hadis dhaif dan palsu ini. Alhamdulillah telah banyak seminar-seminar yang membincangkan sama ada secara langsung atau tidak dan menyentuh persoalan tersebarnya hadis-hadis palsu dan dhaif. Hal ini seharusnya dibanyakkan lagi dengan menjemput tokoh-tokoh pengkaji hadis luar yang telah maju untuk berkongsi pengalaman mereka dengan ulama Malaysia.

Soalan # 18:

Sebahagian masyarakat kita mengatakan bahawa tidak menjadi kesalahan untuk kita menyebut hadis palsu selagi maksudnya baik dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Adakah pendapat ini diterima?

Jawapan:

Pendapat ini tidak dapat kita terima. Kita perlu melihat kepada dosa dan bahaya menyebarkan hadis-hadis yang tidak benar datangnya daripada Rasulullah SAW. Kita harus berfikir apa akibatnya jika hadis-hadis palsu dan tidak sahih ini diyakini dan dipercayai sebagai sahih oleh masyarakat awam. Hal ini pastinya memberikan gambaran yang berlainan daripada perkara yang sepatutnya difahami dan diketahui oleh mereka. Mari kita renungi satu amaran yang terdapat dalam sabda Nabi SAW:

مَنْ يَقُلْ عَلَيَّ مَا لَمْ أَقُلْ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Maksudnya : **Sesiapa yang menyebutkan sesuatu dariku sedangkan aku tidak pernah menyebutnya, maka dia telah menempah tempatnya di dalam neraka"**[1].

Elok rasanya penulis mencatatkan kata-kata seorang ahli hadis terkenal dari mazhab al Syafie iaitu Ibn Hibban. Menurut beliau ketika menghuraikan hadis sahih:

---

[1] Hadis sahih riwayat al Bukhari – hadis nombor 109.

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ.

Maksudnya : **"Cukuplah menjadi satu dosa bagi seseorang yang menceritakan segala yang dia dengari (tanpa mengkaji benar atau tidak)"**[1]. Ibn Hibban berkata:

> Di dalam hadis ini terdapat larangan kepada sesiapa sahaja supaya tidak menyebut semua perkara (termasuk hadis) sehinggalah dia yakini itu adalah sahih[2].

Malah Ibn Hibban telah membuat satu kesimpulan di dalam bukunya yang terkenal iaitu Sahih Ibn Hibban bahawa sesiapa yang menyebut sesuatu hadis tanpa mengetahui adakah hadis tersebut sahih atau tidak maka dia adalah berdosa dan layak memasuki neraka[3].

Al Zahabi dalam bukunya *Tazkiratu al Huffaz* telah menyebut sebuah hadis palsu bermaksud: **"Sesiapa yang menghafal satu hadisku untuk umatku, maka dia mendapat pahala sebanyak pahala tujuh puluh satu Nabi yang benar"**. Setelah menyebut hadis ini, beliau berkata:

---

1 Hadis sahih riwayat Muslim – hadis nombor 5.

2 *Tamam al Minnah Fi al Ta'liq 'Ala Fiqh al Sunnah* – Syeikh al Albani – kaedah nombor 11.

3 *Sahih Ibnu Hibban* – bab al I'tisham Bi al Sunnah – hadis nombor 29 hingga 32

Hadis ini adalah di antara hadis yang haram diriwayatkan kecuali diberitahu bahawa ia adalah palsu tanpa ragu-ragu lagi. Dan semoga ALLAH membalas perbuatan buruk orang yang menciptanya[1].

Lihatlah kata-kata al Zahabi yang jelas melarang kita meriwayatkan hadis palsu kecuali diberitahu bahawa ia adalah palsu. Walaupun maksud hadis itu nampak baik tetapi al Zahabi tetap tidak membenarkan kita menggunakannya seolah-olah hadis tersebut sahih. Inilah ketelitian yang kita ingini dalam masyarakat.

[1] *Silsilah al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah* – Muhammad Nasiruddin al Albani – huraian hadis no.1174.

Soalan # 19:

Apakah langkah yang telah dilakukan oleh para ulama dalam memberi penjelasan kepada masyarakat berkaitan hadis-hadis dhaif dan palsu?

Jawapan:

Para ulama hadis sejak dahulu hingga kini telah melakukan usaha yang gigih dan berterusan dalam memelihara kesucian hadis-hadis sahih agar tidak tercampur aduk dengan hadis-hadis dhaif dan palsu. Walaupun masyarakat Islam tetap dicemari dengan kejahilan tentang perkara ini, namun sudah pasti keadaan akan menjadi lebih parah jika tidak ada usaha-usaha daripada para ulama hadis tersebut. Alangkah baiknya jika usaha ini diwarisi oleh kita di Malaysia untuk memelihara masyarakat Islam negara kita daripada tersalah dalam mempercayai hadis-hadis yang tidak sahih ini. Tidak dapat dinafikan memang ada usaha yang telah dibuat namun usaha ini perlu ditambah dan diberikan ruang yang lebih luas untuk memastikan kesannya lebih mendalam kepada masyarakat.

Di antara usaha yang telah ada dalam memberikan penjelasan tentang hadis-hadis dhaif dan palsu di Malaysia ialah buku yang bertajuk *Himpunan Hadis-Hadis Dhaif dan Palsu* yang telah dikumpulkan oleh al Marhum Drs. Abd. Ghani Azmi Idris. Semoga ALLAH memberikan ganjaran dan pahala kepada beliau atas usahanya mengumpul dan menterjemah hadis-hadis tersebut.

Berikut saya simpulkan beberapa langkah yang telah diambil oleh para ulama hadis sejak dahulu hingga kini dalam memastikan masyarakat dapat mengenal pasti hadis-hadis dhaif dan palsu. Maklumat ini saya simpulkan daripada buku *Athar al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah Fi al Aqidah* yang ditulis oleh Abd. Rahman Abd. Khaliq yang merupakan salah seorang ulama terkenal dari Kuwait dan juga daripada pendahuluan buku *Tahrir Taqrib al Tahzib* karya Basyar Awwad Ma'ruf dan Syuaib al Arnaouth. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut :

1- Penyusunan kaedah-kaedah pengkajian ilmu hadis yang dinamakan *Mustolah al Hadith* atau Usul al Hadith. Pada peringkat awal (sebelum kurun ke 4) kaedah-kaedah pengkajian ini tidak disusun dalam satu bentuk yang khusus tetapi ia diketahui oleh semua yang terlibat dalam pengkajian hadis. Seterusnya (selepas kurun ke 4) kaedah-kaedah ini dibukukan dan diasingkan untuk kemudahan mereka yang ingin melibatkan diri dalam kajian ini. Di antara buku-buku yang terawal dihasilkan di dalam bidang *Mustolah al Hadith* ialah buku *al Muhaddith al Fashil* karya al Ramahurmuzi (360H) dan buku *Ma'rifat Ulum al Hadith* karya al Hakim. Kaedah-kaedah ini bukanlah segala-galanya yang diperlukan oleh pengkaji hadis malah seseorang pengkaji memerlukan pengalaman dalam mempraktikkan segala teori yang ada dalam ilmu *Mustolah Hadith.*

2- Pengumpulan hadis-hadis sahih untuk dijadikan panduan. Maka dengan sendirinya masyarakat dapat membaca dan mempelajari hadis-hadis yang diyakini kesahihan dan kebenarannya dari Nabi SAW. Usaha ini dibuat antaranya oleh Malik bin Anas dalam bukunya *al Muwattho'*, al Bukhari dalam bukunya *al Jami' al*

Sahih atau yang lebih dikenali dengan nama *Sahih al Bukhari* dan lain-lain lagi.

3- Pengkajian hadis-hadis yang terdapat dalam buku-buku yang terkenal dalam kalangan masyarakat untuk membezakan antara hadis-hadis yang sahih dan dhaif atau palsu. Contohnya:

- apa yang dibuat oleh Ibnu Hajar al Asqalani ketika mengkaji hadis-hadis buku *Tafsir al Kasyaf* karya al Zamakhshari (538H)
- al Iraqi (806H) yang mengkaji buku *Ihya' Ulumiddin* karya al Ghazali (505H).
- Muhammad Nasiruddin al Albani yang menyemak beberapa buah buku ulama pada masa ini seperti buku *al Halal wa al Haram* karya Yusof al Qaradhawi dan buku *Fiqh al Sunnah* karya Sayyid Sabiq.

4- Pengasingan nama-nama periwayat yang tidak diterima dan dikritik sama ada sebagai periwayat yang dhaif, penipu dan sebagainya. Para ulama hadis telah mengarang dan mengumpulkan nama-nama mereka untuk diambil perhatian oleh masyarakat sama ada para ulama atau masyarakat biasa agar tidak mengambil hadis-hadis yang diriwayatkan oleh mereka. Maka lahirlah buku-buku seperti *al Dhuafa'* karya al Bukhari, *al Dhuafa' wa al Matrukun* karya al Nasaai , *Mizan al I'tidal* karya al Zahabi dan sebagainya. Terdapat juga buku-buku yang mengumpulkan nama-nama periwayat secara umum dan mengkategorikan adakah beliau diterima (dipercayai) atau tidak diterima. Buku-buku tersebut adalah seperti *Tahzib al Kamal*

karya al Mizzi dan *Taqrib al Tahzib* oleh Ibnu Hajar al Asqalani. Kesemua buku ini memudahkan penganalisis dan pengkaji hadis sepanjang zaman untuk membezakan antara periwayat yang diterima atau tidak dalam sesuatu sanad hadis serta melihat kedudukan mereka dari segi meriwayatkan hadis.

5- Penulisan buku-buku khas yang mengumpulkan hadis-hadis palsu dan dhaif yang dijadikan sebagai peringatan kepada umat Islam agar tidak menerimanya sebagai hadis sahih. Usaha ini dibuat oleh ulama-ulama hadis sejak dahulu hingga kini seperti Ibnu al Jauzi dalam bukunya *al Maudhu'aat*, al Suyuthi dalam bukunya al *Laali' al Mashnu'ah* dan Muhammad Nasiruddin al Albani dalam bukunya *Silsilah al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah*. Di Malaysia, usaha ini dipelopori oleh Drs. Abd. Ghani Azmi Idris yang telah berjaya mengumpulkan banyak hadis dhaif dan palsu dalam bukunya *Himpunan Hadis-Hadis Dhaif dan Palsu*.

Soalan # 20:

Apakah contoh-contoh hadis dhaif dan palsu yang telah tersebar dalam masyarakat?

Jawapan:

Berikut saya senaraikan beberapa contoh hadis-hadis yang popular di dalam masyarakat. Sayangnya hadis-hadis yang popular ini pada hakikatnya adalah dhaif atau palsu. Saya menyebutnya sebagai dhaif atau palsu dengan meletakkan komen dan hasil kajian para ulama hadis dulu dan kini untuk sama-sama diteliti dan difahami. Ini bermakna, bukanlah saya yang memandai-mandai mengatakan ia dhaif atau palsu, tetapi saya berpandukan kepada hasil kajian yang telah sedia ada di dalam buku-buku para ulama hadis. Bagi para pembaca, mereka dialu-alukan untuk membetulkan kesilapan saya sama ada dari segi penggunaan bahan rujukan atau kesilapan dalam terjemahan teks asalnya yang ditulis dalam bahasa arab.

Di samping itu saya juga selitkan sedikit ulasan bagi menjelaskan maksud hadis tersebut dan juga membincangkan adakah maksud hadis boleh diterima dan disokong oleh dalil-dalil daripada Al Quran atau hadis sahih. Walau bagaimana baik maksud sesuatu hadis yang dhaif atau palsu, hadis tersebut tetap tidak boleh dinyatakan atau 'diiklankan' sebagai 'hadis sahih' atau sebagai 'sabda Nabi SAW'. Hadis tersebut mungkin boleh dianggap sebagai kata-kata hikmah atau nasihat yang baik sekiranya maksudnya tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Pembaca akan dapat melihat apa yang saya maksudkan dalam huraian setiap hadis.

Pertama:

اطلبوا العلم ولو بالصين.

Maksudnya: **Tuntutlah ilmu walaupun hingga ke negeri China.**

Kedudukan Hadis:

Ini adalah hadis palsu. Hadis ini telah disebutkan sebagai palsu oleh Ibn al Jauzi di dalam buku al Maudhu'at[1]. Pembaca juga boleh melihat buku Menangkis Pencemaran Terhadap Agama dan Tokoh-Tokohnya karya Mohd. Asri Zainul Abidin untuk mendapat maklumat lanjut tentang hadis ini. Hadis ini dikritik juga oleh pengkaji hadis seperti Ibnu Tahir al Maqdisi (507H)[2], al Iraqi[3], Ibn Hibban[1] dan Muhammad Nasiruddin al Albani[2].

---

1 *Al Maudhu'at* – Ibn al Jauzi – jilid 1 – muka surat 215.

2 *Makrifat al Tazkirah* – Ibn Tahir al Maqdisi – hadis no. 118.

3 *Al Mughni An Hamli al Asfar* – hadis no. 36 – susunan oleh Abu Muhammad Asyraf Bin Abd. Maqsud – cetakan pertama 1995 – Maktabah Dar al Thabariyyah, Riyadh.

Ulasan:

Hadis ini kerap dijadikan hujah bagi membuktikan bahawa Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu sejauh yang mungkin walaupun ke negara China. Sedangkan pada hakikatnya hadis ini adalah palsu. Telah ada dalil-dalil serta hujah-hujah yang jelas dalam Al Quran dan hadis-hadis sahih tentang kewajipan menuntut ilmu serta kelebihan mereka yang mempunyai ilmu. Terdapat ayat-ayat Al Quran yang mengiktiraf golongan yang berilmu contohnya:

﴿ يَرْفَعِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ دَرَجَـٰتٍ ﴾

Maksudnya : **ALLAH mengangkat kedudukan orang-orang yang beriman dan yang mempunyai ilmu dengan beberapa darjat[3].**

Begitu juga di dalam hadis-hadis sahih terdapat saranan ke arah menuntut ilmu antaranya seperti hadis:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

Maksudnya: **Sesiapa yang melalui jalan ke arah menuntut ilmu maka ALLAH mudahkan untuknya jalan ke syurga**[4].

---

1 Kata-kata beliau diambil daripada buku *Ahadith La Tasihhu* – Sulaiman Bin Salih al Kharashiy – hadis no. 21 – laman web www.saaid.net).

2 *Silsilah al Ahadith al Dhaifah* – hadis no. 416 dan *Dhaif al Jami' al Shaghir* – hadis no. 906 dan 907.

3 Surah al Mujadalah – ayat 11.

4 Hadis riwayat Muslim – hadis nombor 2699

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

Maksudnya: **Menuntut ilmu adalah kewajipan ke atas setiap muslim** [1].

Telah diketahui umum bahawa menuntut ilmu adalah kewajipan dalam kehidupan umat Islam. Apa yang ingin saya sebutkan di sini adalah kesalahan menggunakan hadis palsu dalam menyatakan sesuatu perkara yang telah sedia ada dalam Islam sama ada di dalam Al Quran atau hadis-hadis sahih. Tindakan menggunakan hadis palsu ini boleh menjadikan kita lupa bahawa ayat Al Quran atau hadis sahih sudah pun memadai dan mencukupi untuk kita menyatakan sesuatu yang berkaitan dengan Islam. Berhati-hatilah dalam menggunakan sesuatu hadis. Pastikan bahawa hadis tersebut adalah sahih sebelum menggunakannya sebagai dalil atau hujah.

---

[1] Hadis riwayat Ibnu Majah – hadis nombor 224 dan ia disahihkan oleh al Albani dalam semakannya terhadap *Sunan Ibn Majah.* Hadis ini juga dinilai sebagai hadis hasan oleh Basyar Awwad Ma'ruf dalam kajiannya terhadap *Sunan Ibn Majah.*

Kedua:

اطلبوا العلم من المهد إلى اللحد / طلب العلم من المهد إلى اللحد.

Maksudnya: **Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad**

Kedudukan Hadis:

Hadis ini adalah hadis palsu. Menurut Yusuf al Qaradhawi, walaupun maksud hadis ini benar, bukanlah bermakna itu adalah hadis yang benar-benar datang dari Nabi SAW[1]. Hadis ini juga ditolak kesahihannya sebagai sabda Nabi SAW oleh seorang pengkaji hadis zaman ini, Abd. Fattah Abu Ghuddah[2].

Ulasan:

Seperti yang telah disebutkan dalam komen saya terhadap hadis pertama, terdapat banyak dalil dalam Al Quran dan hadis-hadis yang sahih yang menyuruh dan menggalakkan umat Islam menuntut ilmu. Dalil-dalil itu sudah mencukupi dan kita tidak perlu lagi menggunakan hadis-hadis palsu yang direka. Penggunaan hadis-hadis palsu adalah salah walaupun dengan niat yang baik.

Wujudnya segolongan pendakwah atau penceramah yang tidak mendalami bidang hadis telah menyebabkan ramai pendengar yang

---

1 *Taisir al Fiqh Li al Muslim al Mu'ashir* – Prof.Yusuf al Qaradawi – m.s. 215.

2 *Qiimatu al Zaman 'Inda al Ulama'* – Abd. Fattah Abu Ghuddah – muka surat 30 – cetakan kelapan, 1998 – Maktab al Mathbu'at al Islamiyyah, Halab.

terkeliru dengan hadis-hadis yang tidak sahih tetapi disangkanya sahih. Bahkan disangkanya hadis ini menjadi kaedah utama dalam agama Islam sehingga dia terlupa dalil yang sudah sedia ada dalam Al Quran dan hadis-hadis sahih. Pendakwah atau penceramah selalunya mencari jalan singkat untuk mengumpulkan bahan ceramahnya lalu mereka menggunakan buku-buku berbentuk akhlak atau buku cerita yang kadangkala tidak memperdulikan kesahihan fakta yang dimuatkan di dalamnya. Ada yang mengambil hadis-hadis daripada buku al Ghazali iaitu *Ihya' Ulumiddin* yang sememangnya mengandungi banyak hadis dhaif dan palsu. al Iraqi telah berusaha untuk menyemak kembali hadis-hadis di dalam buku *Ihya' Ulumiddin* dan mengkaji kesahihannya atau kedhaifannya. Segala kajian al Iraqi itu beliau muatkan di dalam bukunya berjudul *al Mughni 'An Hamli al Asfar* dan jika kita membaca kajian beliau, kita akan dapati terlalu banyak hadis yang tidak sahih ada dalam buku al Ghazali itu.

Kepada pembaca buku *Ihya' Ulumiddin*, saya nasihatkan supaya mereka melihat kajian al Iraqi dan memastikan adakah hadis itu sahih atau tidak. Terdapat beberapa versi buku *Ihya' Ulumiddin* yang dicetak bersama dengan kajian al Iraqi sebagai nota kaki. Tidak ada sesiapa yang menyalahkan al Ghazali kerana kesilapannya dalam buku *Ihya' Ulumiddin* kerana al Ghazali adalah manusia biasa yang tidak terlepas daripada kesilapan. Beliau berkemungkinan besar tidak tahu bahawa sesuatu hadis itu palsu lalu menyebutnya dalam *Ihya' Ulumiddin*. Tetapi kita sebagai pembaca pada zaman ini perlulah mengelak dari menggunakan hadis-hadis palsu dalam *Ihya' Ulumiddin* kerana kita telah pun tahu tentang kepalsuannya berdasarkan kajian al Iraqi serta ulama lain. Kita menghormati al Ghazali tetapi kita tidak akan mengulangi kesilapan yang beliau telah lakukan iaitu tersalah dalam menyebut hadis-hadis palsu yang disangka beliau sebagai sahih.

Ketiga:

الصبحة تمنع الرزق.

Maksudnya: **Tidur selepas subuh/ waktu pagi menghalang rezeki.**

Kedudukan Hadis:

Hadis ini adalah hadis palsu. Hadis ini dilabelkan sebagai palsu oleh al Hasan Ibn Muhammad al Shoghoni dan disokong oleh ahli hadis masa kini, Abd. Fattah Abu Ghuddah[1]. Manakala di antara ulama yang melabelkan hadis ini sebagai sangat dhaif pula ialah al Haithami[2], Ahmad Syakir[3], Muhammad Nasiruddin al Albani[4] dan Syuaib al Arnaouth[5].

---

1 *Al Mashnu' Fi Ma'rifati al Hadith al Maudhu'* – Ali al Qari – *tahqiq* Abd. Fattah Abu Ghuddah – muka surat 230.

2 *Majma' al Zawaaid* – al Haithami – hadis no. 6091.

3 *Al Musnad* – Ahmad Ibn Hanbal – edisi *tahqiq* Ahmad Syakir – jilid 2 – muka surat 4.(www.dorar.net)

4 *Dhaif al Jami' as Shaghir* – hadis no. 1484 dan 3531.

5 *Al Musnad* – Ahmad Ibn Hanbal – hadis no. 530– cetakan Muassasah al Risalah, Beirut.

Ulasan:

Tiada tegahan dan tiada pula suruhan ke arah perkara ini. Perkara ini dilakukan mengikut kesesuaian keadaan dan keperluan. Sedangkan sesiapa sahaja yang ingin mencari hadis ini pasti akan menemui bahawa para ulama hadis yang terkenal telah mengkritik hadis ini sekaligus menjadikannya hadis yang tidak sahih. Ada pula yang berhujah bahawa logik akal menyokong hadis ini kerana orang yang bekerja akan lewat ke tempat kerja dan tidak dapat menjalankan tugas sekiranya tidur selepas subuh. Mereka seolah-olah lupa bahawa ada juga masyarakat kita yang bekerja pada waktu petang dan malam. Adakah mereka tidak dapat menjalankan tugas jika tidur selepas subuh?

Persoalan rezeki ini adalah persoalan besar dan untuk menyatakan sesuatu perkara itu menghalang rezeki, kita memerlukan hujah dan dalil yang kuat daripada Al Quran atau hadis sahih. Terdapat beberapa perkara lagi yang dikatakan menghalang rezeki seperti minum daripada gelas sumbing, menjahit baju di badan sendiri dan lain-lain lagi tetapi semuanya tidak mempunyai dalil atau hujah daripada Al Quran atau hadis sahih.

Keempat:

Kisah sahabat Nabi bernama **Sa'labah** ثعلبة yang tidak membayar zakat.

Kedudukan Hadis:

Hadis ini adalah hadis palsu. Maklumat lanjut ada di dalam buku *al Sohih al Musnad Min Asbab al Nuzul* karya Syeikh Muqbil bin Hadi al Wadii[1]. Buku ini merupakan antara hasil karya yang terbaik daripada Syeikh Muqbil yang merupakan seorang pengkaji hadis dari negara Yaman. Beliau berusaha mengumpulkan asbab nuzul (sebab-sebab ayat Al Quran diturunkan) yang sahih sahaja. Ini kerana sememangnya telah diketahui bahawa tidak semua asbab nuzul yang tercatat dalam buku-buku terdahulu adalah sahih. Menurut Syeikh Muqbil, kisah Sa'labah yang tidak membayar zakat ditolak kesahihannya oleh imam-imam hadis terkenal seperti Ibnu Hazm (*al Muhalla*) , al Suyuthi (*Lubab al Nuqul*) , Ibnu Hajar al Asqalani (*Takhrij al Kasyaf* dan *Fath al Bari*), al Haithami (*Majma' al Zawaaid*), al Zahabi (*Tajrid Asma' al Sahabah*), al Munawi (*Faidh al Qadir*) dan al Iraqi (*al Mughni – takhrij Ihya' Ulumiddin*). Di dalam sanad hadis tersebut terdapat periwayat yang dikritik sebagai dhaif iaitu Ali bin Yazid al Alhani.

Syeikh Muqbil al Wadii juga menyatakan bahawa terdapat riwayat yang disebutkan daripada Ibnu Abbas yang menceritakan

---

[1] *As Sahih al Musnad Min Asbab an Nuzul* – Muqbil Bin Hadi al Wadii – muka surat 11-12 – cetakan kedua 1994 – Dar Ibn Hazm.

bahawa kisah ini adalah berkaitan dengan seorang sahabat bernama Sa'labah bin Abi Hathib dan bukan Sa'labah bin Hathib. Namun riwayat itu juga tidak sahih kerana bersumberkan daripada periwayat-periwayat yang tidak diterima.

Salah seorang ulama dan pendakwah terkemuka Mesir, Muhammad Hassan telah menyenaraikan beberapa hujah yang membuktikan bahawa kisah Sa'labah ini adalah kisah yang tidak benar. Hujah-hujah untuk mendhaifkan hadis ini disebut dalam salah satu ceramah beliau dan boleh didengari dari laman web www.islamway.com.

Kisah ini juga dikritik kesahihannya oleh Yusof al Qaradhawi dalam bukunya *Kaifa Nata'amalu Ma'a al Sunnah al Nabawiyyah*[1], Al Iraqi[2] dan Muhammad Nasiruddin al Albani[3].

Ulasan:

Boleh dikatakan semua ulama tafsir dan hadis yang terkenal telah mendhaifkan hadis ini. Tidak ada seorang ulama pun yang mengatakan kisah ini benar. Sayangnya hadis ini amat popular terutama dalam kalangan yang ingin mengajak masyarakat supaya membayar zakat serta tidak melengahkan pembayarannya. Kisahnya berkisar

---

1 *Kaifa Nata'amalu Ma'a al Sunnah al Nabawiyyah* – Prof.Dr.Yusof al Qaradhawi – muka surat 67 – al Ma'had al 'Alami Li al Fikr al Islamiyy, Amerika Syarikat.

2 *Al Mughni An Hamli al Asfar* – al Iraqi – hadis no. 3340.

3 *Silsilah al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah* – hadis no. 1607..

tentang seorang sahabat Nabi SAW yang bernama Sa'labah bin Hathib yang pada asalnya miskin. Namun setelah didoakan oleh Nabi SAW, dia telah menjadi kaya raya. Kekayaannya menjadikannya sombong dan enggan menunaikan zakat. Akhirnya beliau tidak diterima taubatnya oleh Rasulullah SAW kerana turunnya ayat daripada surah at Taubah. Selepas baginda wafat, para khalifah tidak ingin menerima zakat yang ingin diberikan oleh Sa'labah. Kisah ini adalah kisah yang tidak benar.

Azab siksa yang dijanjikan kepada mereka yang tidak membayar zakat telah ada disebutkan di dalam nas-nas yang sahih iaitu Al Quran dan hadis sahih. Oleh sebab itu kita melihat dalam sejarah Islam berlakunya peperangan yang dipimpin oleh khalifah pertama Islam , Abu Bakr al Siddiq menentang golongan yang tidak mahu membayar zakat.

Kelima:

من نام بعد العصر فاختلس عقله فلا يلومن إلا نفسه.

Maksudnya: **Sesiapa yang tidur selepas Asar lalu hilang akalnya, maka janganlah dia mencela melainkan dirinya sendiri.**

Kedudukan Hadis:

Hadis ini adalah hadis dhaif seperti yang telah dihuraikan oleh al Albani di dalam bukunya *Silsilah al Ahadith al Dhaifah*[1]. Sebelum daripada al Albani, hadis ini juga telah didhaifkan oleh al Haithami[2].

Ulasan:

Setahu penulis, tidur selepas Asar belum dibuktikan kemudharatannya dari segi perubatan. Kalaulah sekiranya dapat dibuktikan dari segi perubatan bahawa perbuatan ini memberikan kesan kepada akal manusia, maka kita akan menyatakan bahawa ia dilarang berhujahkan kenyataan dari aspek perubatan tersebut dan bukannya berhujahkan hadis yang tidak sahih ini. Hadis dhaif dan palsu tetap tidak boleh dijadikan hujah atau dalil untuk melarang sesuatu perkara yang asalnya tidak dilarang.

---

1 *Silsilah al Ahadith ad Dhaifah wa al Maudhu'ah* – al Albani – hadis no. 39 dan *Dhaif al Jami' al Shaghir* – hadis no. 5861.

2 *Majma' al Zawaaid* – al Haithami – hadis no. 8254.

Terdapat satu kisah berkaitan persoalan tidur selepas waktu Asar. Seorang imam fiqh dan hadis yang masyhur, al Laith bin Saad (175H) pernah ditegur oleh salah seorang rakannya kerana beliau mendapati al Laith tidur selepas Asar pada bulan Ramadhan. Rakannya itu membacakan hadis yang telah disebutkan di atas tadi (riwayat Ibnu Adi dalam buku al Kamil) sebagai hujah untuk menegur al Laith. Apabila al Laith mendengar sanad hadis itu dibaca, maka beliau telah mengesan satu kecacatan dalam hadis tersebut iaitu terdapat periwayat bernama Abdullah bin Lahi'ah yang meriwayatkan hadis itu daripada periwayat bernama Aqil. Al Laith lalu berkata: "Aku tidak akan meninggalkan perkara yang bermanfaat kepada diriku ini (tidur selepas Asar) hanya kerana hadis yang diambil dari jalan Ibnu Lahi'ah dari Aqil". Maksud al Laith ialah beliau tidak akan meninggalkan tidur selepas Asar yang bermanfaat baginya hanya kerana satu hadis yang tidak sahih[1].

---

[1] *Silsilah al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah* – al Albani – huraian bagi hadis no. 39.

Keenam:

النظافة من الإيمان.

Maksudnya: **Kebersihan itu separuh daripada iman.**

Kedudukan Hadis:

Hadis ini telah dikritik dan dilabelkan sebagai hadis dhaif jiddan (sangat dhaif) oleh al Iraqi[1] dan dinyatakan sebagai palsu oleh al Albani[2] dengan lafaz yang hampir sama iaitu "**kebersihan itu menyeru kepada keimanan**".

Ulasan:

Telah disepakati oleh semua orang yang mempelajari tentang Islam melalui sumber utamanya iaitu Al Quran dan hadis sahih bahawa Islam memang mementingkan kebersihan. Tetapi tidak ada hadis yang menyatakan bahawa "**Kebersihan itu separuh daripada iman**". Kita perlu berhati-hati apabila menyebutkan sesuatu hadis dan tidak sekadar menyebutnya kerana maknanya bertepatan dengan ajaran Islam.

---

1 *Al Mughni An Hamli al Asfar* – al Iraqi – hadis no. 278.

2 *Dhaif al Jami' al Shaghir* – hadis no. 6163 dan 2414.

Terdapat satu perkara yang menarik yang saya pernah temui iaitu satu hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam *Sahih Muslim*[1] dengan lafaz: الطهور شطر الإيمان yang diterjemahkan dengan maksud: **"Kebersihan itu sebahagian daripada iman"**. Terjemahan sebegini saya temui di dalam salah sebuah majalah yang pernah saya baca. Sedangkan maksud hadis itu yang sebenar menurut kata para pengkaji hadis dalam buku-buku mereka ialah: **"Bersuci dari hadas adalah separuh daripada solat"**. Terdapat perselisihan pendapat tentang maksud hadis ini dalam buku *Jami' al Ulum wa al Hikam* karya Ibnu Rejab al Hanbali (795H). Ibnu Rajab telah membincangkan maksud sebenar perkataan الطهور dan perkataan الإيمان dengan membawa banyak pendapat para ulama. Kesimpulan yang diambil oleh Ibnu Rajab ialah perkataan الطهور membawa maksud 'bersuci daripada hadas' dan maksud الإيمان pula ialah 'solat'[2]. Maksud hadis ini betul, namun hakikat ini tidak bermakna kata-kata tersebut telah benar-benar diucapkan oleh Rasulullah SAW. Kita mesti berhati-hati dalam menyebut sesuatu berkaitan Rasulullah SAW[3].

---

1 Hadis no. 223 dan diriwayatkan juga oleh al Tirmizi (hadis no. 3517).

2 *Jami' al Ulum wa al Hikam* – Ibn Rajab al Hanbali – jilid 2 – muka surat 7 hingga 14.

3 Sila lihat kembali jawapan kepada soalan nombor 18 dalam buku ini.

Ketujuh:

اختلاف أمتي رحمة.

Maksudnya: **Perselisihan dalam umatku adalah rahmat.**

Kedudukan Hadis:

Hadis ini telah dikategorikan oleh beberapa orang ulama hadis sebagai tidak ada asalnya. Perkataan ini bermaksud tidak ada asal usulnya dalam mana-mana buku hadis. Begitulah pendapat yang dikemukakan oleh al Subki sebagaimana dicatatkan oleh al Albani dalam bukunya *Silsilah al Ahadith al Dhaifah*[1]. Al Iraqi juga menolak kesahihan hadis ini[2].

Ulasan:

Hadis ini telah menyatakan bahawa menjadi satu rahmat bagi kita jika kita berselisih pendapat. Ini adalah pandangan yang perlu diteliti dengan mendalam kerana kita amat yakin bahawa perselisihan selalunya membawa kepada perpecahan. Ibn Hazm dalam bukunya *al Ihkam Fi Usul al Ahkam* telah menyatakan bahawa jika sekiranya perselisihan itu

---

1 *Silsilah al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah* – hadis no. 57.

2 *Al Mughni An Hamli al Asfar* – al Iraqi – hadis no. 74.

rahmat, maka sudah pasti permuafakatan pula akan menjadi satu perkara yang tidak dirahmati. Ini adalah pendapat yang tidak benar sama sekali[1].

Ada sesetengah penulis yang menafsirkan perselisihan dalam hadis ini dengan maksud perselisihan dalam bidang fiqh dan bukan perselisihan dalam bidang aqidah. Tafsiran sebegini adalah tepat tetapi pada pandangan penulis, kita tidak perlu membuat tafsiran sebegini kerana hadis ini bukanlah hadis yang sahih. Tafsiran sebegini diperlukan sekiranya hadis ini sahih dan kita tidak dapat memahami maksudnya. Ada pun sekiranya sesuatu hadis itu tidak sahih, tidak perlulah kita bersusah payah hendak memahaminya. Tumpukan usaha kita kepada hadis yang sahih sahaja. *Wallahu a'lam.*

---

1 *Silsilah al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah* – huraian hadis no. 57.

Kelapan:

الصبر من الإيمان/ الصبر نصف الإيمان

Maksudnya: **Sabar itu separuh daripada iman**

Kedudukan Hadis:

Menurut Ibn Rajab al Hanbali, ini adalah kata-kata sahabat dan bukan hadis Nabi SAW[1]. Di antara yang menyebutnya sebagai hadis Nabi SAW ialah al Ghazali dalam bukunya *Ihya' Ulumiddin*. Menurut al Iraqi yang mengkaji hadis-hadis *Ihya' Ulumiddin*, hadis tersebut adalah dhaif[2]. Begitu juga dengan al Albani yang menyatakannya sebagai sangat dhaif[3]. Menurut al Baihaqi dan al Zubaidi, kata-kata ini *mauquf* (kata-kata sahabat)[4].

---

1 *Jami' al Ulum wa al Hikam* – Ibnu Rajab al Hanbali – jilid 2 – muka surat 10.

2 *Al Mughni An Hamli al Asfar* – al Iraqi – hadis no. 3651.

3 *Dhaif al Jami' al Shaghir* – hadis no. 3535.

4 Nota kaki no. 1 dalam buku *al Mashnu' Fi Ma'rifati al Hadith al Maudhu'* – Ali al Qari – muka surat 218.

Ulasan:

Memandangkan bahawa kata-kata ini adalah kata-kata sahabat dan melihat kepada maksudnya yang tidak menyalahi mana-mana asas dalam Islam, maka boleh diucapkan dan disebarkan kepada masyarakat. Apa yang perlu ialah menyatakannya sebagai kata-kata sahabat atau kata-kata hikmah dengan tidak menyatakannya sebagai hadis Nabi SAW. Kita juga mesti mengutamakan ayat-ayat Al Quran yang menceritakan perihal kesabaran dan kepentingannya seperti ayat-ayat di dalam surah Luqman yang menceritakan nasihat Luqman kepada anaknya yang antara lainnya mengandungi nasihat supaya bersabar di atas segala ujian yang menimpa diri. Begitu juga dengan hadis-hadis sahih yang menceritakan soal kesabaran dan pahala orang-orang yang sabar. Itu mesti didahulukan daripada kata-kata hikmah atau kata-kata sahabat agar masyarakat sentiasa memahami kewajipan mendahulukan Al Quran dan hadis sahih dalam kehidupan.

Kesembilan:

رجعنا من الجهاد الأصغر إلى الجهاد الأكبر. قالوا وما الجهاد الأكبر؟

قال: جهاد النفس.

Maksudnya: **Kita telah pulang dari jihad yang kecil (peperangan) dan kita menuju kepada jihad yang lebih besar/paling besar. Para sahabat berkata: Apakah jihad yang paling besar? Rasulullah berkata: Jihad menentang hawa nafsu.**

Kedudukan Hadis:

Hadis ini telah dinilai sebagai hadis dhaif oleh Syuaib al Arnaouth ketika beliau menyemak hadis-hadis di dalam buku *Jami' al 'Ulum Wa al Hikam* tulisan Ibn Rajab al Hanbali[1].Beliau telah mengambil pandangan Ibnu Hajar al Asqalani yang menyatakan bahawa kata-kata ini ialah kata-kata seorang ulama tabiin yang bernama Ibrahim Bin 'Ablah.

Menurut al Albani dalam *Silsilah al Ahadith al Dhaifah*: Munkar. Al Albani telah menukilkan kata-kata Ibnu Taimiyyah (728H) dalam *Majmu' al Fatawa*:

> Tidak ada asalnya (hadis tersebut) dan tidak diriwayatkan oleh pakar-pakar yang mengetahui tentang kata-kata Nabi SAW dan perbuatan baginda. Dan memerangi orang-

---

[1] *Jami' al Ulum Wa al Hikam* – Ibnu Rejab al Hanbali – jilid 1 – muka surat 489.

orang kafir (jihad) adalah sebesar-besar amalan bahkan merupakan amalan yang terbaik yang dilakukan oleh seseorang manusia[1].

Ulasan:

Hadis ini boleh menyebabkan sebahagian umat Islam tersalah anggap lantas memperkecilkan kefardhuan jihad dan keagungan pahala mereka yang berjihad sebagaimana yang telah disebutkan di dalam Al Quran dan hadis-hadis sahih. Hadis ini sering digunakan oleh mereka yang bercakap atas nama kesufian untuk menunjukkan betapa pentingnya jihad melawan kehendak hawa nafsu. Tiada siapa yang menafikan perlunya kita melawan nafsu yang ingin mengajak ke arah maksiat dan sudah sedia ada di dalam hadis-hadis sahih tentang kepentingan mujahadah menentang kehendak nafsu ini seperti hadis Nabi SAW:

الْمُجَاهِدُ مَنْ جَاهَدَ نَفْسَهُ.

Maksudnya: **Orang yang berjihad ialah yang berjuang menentang kehendak dirinya (yang buruk)**[2].

---

[1] Diambil daripada huraian al Albani dalam *Silsilah al Ahadith ad Dhaifah wa al Maudhu'ah* – hadis no. 2460.

[2] Hadis sahih riwayat al Tirmizi (hadis no. 1621) dan disahihkan oleh al Tirmizi serta disokong oleh al Albani.

Tetapi hadis ini tidaklah sampai bermaksud seperti yang digambarkan oleh hadis palsu tadi sehingga ke tahap menjadikan peperangan itu kecil dan melawan nafsu lebih besar mengatasi segalanya. Firman ALLAH:

﴿ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡ أَعۡظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَآئِزُونَ ٢٠ ﴾

Maksudnya : **Orang-orang yang beriman, berhijrah dan berjihad pada jalan ALLAH dengan diri mereka sendiri dan harta mereka lebih besar pahalanya (dari orang yang hanya memberikan harta dan tidak pergi ke medan peperangan) di sisi ALLAH dan itulah orang-orang yang berjaya**[1].

Di dalam Islam terdapat pelbagai jenis jihad dan di antaranya ialah jihad peperangan mempertahankan Islam daripada musuh, jihad dalam menuntut ilmu, jihad membangunkan ekonomi, jihad menentang hawa nafsu yang menjurus ke arah maksiat dan lain-lain lagi. Namun begitu, hadis yang disebutkan tadi adalah dhaif atau lebih rendah kedudukannya dan kita dilarang menggunakan hadis sedemikian dalam menyatakan sesuatu hukum. Marilah kita menggunakan hadis-hadis sahih dalam menentukan sesuatu perkara atau hukum. Inilah perkara yang telah disarankan oleh para ulama sejak dahulu hingga kini.

---

[1] Surat at Taubah – ayat 20.

Kesepuluh:

الحديث في المسجد يأكل الحسنات كما تأكل البهائم الحشيش.

Maksudnya: **Berbual di masjid memakan pahala seperti binatang liar memakan rumput.**

Kedudukan Hadis:

Menurut beberapa orang ulama hadis, hadis ini adalah palsu. Hadis ini disebut di dalam buku-buku seperti *Ihya' Ulumiddin* karya al Ghazali. Al Iraqi telah memberikan komennya terhadap hadis ini dengan kata beliau: "Aku tidak menemui asalnya"[1]. Pendapat tersebut disokong oleh al Albani di dalam bukunya *Silsilah al Ahadith al Dhaifah*[2]. Di antara ulama hadis lain yang menyatakan bahawa hadis ini palsu ialah al Zubaidi, al Fairuz Abadi, Ibn Hajar al Asqalani, Ali al Qari dan Abd. Fattah Abu Ghuddah[3].

---

1 *Al Mughni An Hamli al Asfar* – hadis no. 410.

2 *Silsilah al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah* – hadis no.4.

3 *Al Mashnu' Fi Ma'rifati al Hadith al Maudhu'* – Ali al Qari – muka surat 92 (nota kaki no.2).

Ulasan:

Hadis ini secara zahirnya seolah-olah melarang kita daripada berbual atau berbincang di masjid. Sedangkan di dalam hadis-hadis yang sahih, kita dapati Rasulullah SAW seringkali berbincang dan berbual dengan para sahabat di dalam masjid. Bahkan lebih dari itu, sekumpulan orang Islam dari Habsyah telah bermain di dalam Masjid Nabawi dengan permainan pisau. Permainan tersebut bertujuan mengisi masa lapang dan juga melatih kemahiran bersenjata. Maka Rasulullah SAW dan isterinya Aisyah bersama-sama melihat kepakaran orang-orang Habsyah bermain senjata dan tidak melarangnya[1].

Masjid merupakan tempat untuk kita berbincang, menuntut ilmu, merancang perkara-perkara kebaikan dan juga bertegur sapa serta beramah mesra. Inilah yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan ia berlainan dengan apa yang disebutkan oleh hadis yang tidak sahih ini. Seharusnya masjid berperanan seperti zaman Rasulullah SAW bagi memastikan umat Islam terus maju dan berjaya seperti pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat.

---

[1] Hadis Sahih riwayat al Bukhari (hadis no. 3530) dan Muslim (hadis no. 2105).

Kata Penutup

Demikian 20 persoalan asas tentang hadis Nabi SAW yang saya rasa perlu diperjelaskan kepada para pembaca sekalian. Harap manhaj pertengahan yang saya pilih, iaitu tidak terlalu ringkas dan tidak pula terlalu memberatkan, dalam menjelaskan persoalan-persoalan tersebut dapat memberikan jawapan yang sewajarnya kepada persoalan-persoalan tersebut.

Sudah tentu di kalangan pembaca yang budiman sekalian ada yang memiliki persoalan yang lain tentang hadis Nabi SAW. Dialu-alukan untuk mengemukakan persoalan tersebut kepada saya melalui e-mel, insya-Allah saya akan cuba untuk menjelaskannya.

Sebelum berpisah, ingin saya nasihatkan kepada diri saya sendiri dan para pembaca sekalian untuk terus mendalami ilmu-ilmu agama tanpa mengenal titik noktah. Tanpa berlebih-lebihan, disyorkan agar tumpuan khusus diberikan ke dalam ilmu hadis kerana ilmu ini buat masa kini masih kurang diberi perhatian di kalangan orang ramai. Semoga dengan tumpuan ini ilmu hadis akan berkembang maju dan kita akan berinteraksi dengannya berdasarkan disiplin yang sepatutnya.

RUJUKAN

1. Al Quran. (القرآن الكريم)
2. Ahadith La Tasihhu (أحاديث لا تصح) – Sulaiman Bin Salih al Kharashiy – www.saaid.net.
3. Al Adab al Syar'iyyah (الآداب الشرعية) – Ibn Muflih – Tahqiq: Syuaib al Arnaouth dan Umar Hasan al Qayyam – Muassasah al Risalah, Beirut.
4. al Fawaaid al Majmu'ah (الفوائد المجموعة)– al Syaukani – Tahqiq: Abd. Rahman al Mu'allimi www.dorar.net.
5. Al Manhaj al Sahih Fi al Hukmi 'Ala al Hadith al Nabawiy al Sharif (المنهج الصحيح في الحكم على الحديث النبوي الشريف)– Adil Mursyid – Dar al Basyir, Jordan.
6. Al Mashnu' Fl Ma'rifati al Hadith al Maudhu' (المصنوع في معرفة الحديث الموضوع)– Ali al Qari – Tahqiq Abd. Fattah Abu Ghuddah – Maktab al Mathbu'at al Islamiyyah, Syria.
7. Al Maudhu'at (الموضوعات)– Ibn al Jauzi – www.almeshkat.com.
8. Al Mughni An Hamli al Asfar (المغني عن حمل الأسفار)– al Iraqi – susunan Abu Muhammad Asyraf Bin Abd. Maqsud – Maktabah Dar al Thabariyyah, Riyadh.
9. Al Musnad (المسند)– Imam Ahmad Ibn Hanbal – Muassasah al Risalah, Beirut.
10. Al Sahih al Musnad Min Asbab an Nuzul (الصحيح المسند من أسباب النزو)– Muqbil Bin Hadi al Wadii – Dar Ibn Hazm.

11. Al Syamaail al Muhammadiyyah (الشمائل المحمدية)– al Tirmizi – Tahqiq: Dr. Mahir Yasin Fahl – Dar al Gharb al Islamiyy, Beirut.

12. Al Tamhid Fi Ulum al Hadith (التمهيد في علوم الحديث)– Dr. Hammam Said – Dar al Furqan, Jordan.

13. Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden – Dr. Danial Zainal Abidin – PTS Publication & Distributors.

14. Dhaif al Jami' al Shaghir – Muhammad Nasiruddin al Albani – www.alalbany.net.

15. Ilm Zawaaid al Hadith (علم زوائد الحديث)– Abd. Salam Allush – Dar Ibn Hazm, Lubnan.

16. Ilmu Hadith Satu Pengenalan dan Kajian – Dr. Subhi al Salih – terjemahan oleh Arrifin Omar dan Mohd. Nor Ngah – Dewan Bahasa dan Pustaka.

17. Jami' al Ulum wa al Hikam (جامع العلوم و الحكم)– Ibn Rajab al Hanbali – Tahqiq: Syuaib al Arnaouth dan Ibrahim Bajas – Muassasah al Risalah, Beirut.

18. Kaifa Nata'amalu Ma'a al Sunnah al Nabawiyyah (كيف نتعامل مع السنة النبوية) - Prof.Dr.Yusof al Qaradhawi – al Ma'had al 'Alami Li al Fikr al Islamiyy, Amerika Syarikat.

19. Kesan Hadith-hadith Da'if & Mauduk Terhadap Aqidah Islam – Abd. Al – Rahman Abd. Al – Khalik – Terjemahan: Basri Bin Ibrahim – Syarikat Jahabersa.

20. Lamahat Min Tarikh al Sunnah Wa Ulum al Hadith –

(لمحات من تاريخ السنة و علوم الحديث)– Abd. Fattah Abu Ghuddah – Maktab al Mathbu'at al Islamiyyah, Halab, Syria.

21. Madkhal Li Ma'rifati al Islam (مدخل لمعرفة الإسلام)– Prof. Dr. Yusof al Qaradhawi – Muassasah ar Risalah, Beirut.
22. Majma' al Zawaaid (مجمع الزوائد)– al Haithami – www.almeshkat.com.
23. Makrifat al Tazkirah (معرفة التذكرة)– Ibn Tahir al Maqdisi – www.almeshkat.com.
24. Qiimatu al Zaman 'Inda al Ulama' (قيمة الزمن عند العلماء)– Abd. Fattah Abu Ghuddah – Maktab al Mathbu'at al Islamiyyah, Syria.
25. Sahih al Bukhari– Muhammad Ibn Ismail al Bukhari – Bait al Afkar al Dauliyyah, Riyadh.
26. Sahih Ibn Hibban – Muhammad Ibn Hibban al Busti – Tahqiq: Syuaib al Arnaouth – Muassasah al Risalah, Beirut.
27. Sahih Muslim – Muslim Ibn al Hajjaj – Syarikat Dar al Arqam Ibn al Arqam, Beirut.
28. Selangkah Ke Arah Mengenal Al-Sunnah – Dr. Mohd. Asri B. Zainul Abidin – Karya Bestari.
29. Silsilah al Ahadith al Dhaifah wa al Maudhu'ah

    (سلسلة الأحاديث الضعيفة والموضوعة)– Muhammad Nasiruddin al Albani – www.alalbany.net.
30. Sunan Abu Daud – Sulaiman Ibn al Asy'ath – www.almeshkat.com.
31. Sunan al Nasaai – Ahmad Ibn Syuaib – www.almeshkat.com .

32. Sunan al Tirmizi – Muhammad Ibn Isa – www.almeshkat.com .

33. Sunan Ibn Majah – Muhammad Ibn Yazid – www.dorar.net.

34. Tahrir Taqrib al Tahzib (تحرير تقريب التهذيب)– Syuaib al Arnaouth dan Dr. Basyar Awwad Ma'ruf – Muassasah al Risalah, Beirut.

35. Tahzib al Khashaish an Nabawiyyah al Kubra (تهذيب الخصائص النبوية الكبرى)– as Suyuthi – Tahqiq: Abdullah al Talidi – Dar al Basyair al Islamiyyah, Lubnan.

36. Taisir al Fiqh Li al Muslim al Mu'ashir (تيسير الفقه للمسلم المعاصر)– Prof.Dr. Yusof al Qaradhawi – Muassasah al Risalah, Beirut.

37. Tamam al Minnah Fi al Ta'liq Ala Fiqh al Sunnah (تمام المنة في التعليق على فقه السنة)– Muhammad Nasiruddin al Albani – Dar al Rayah, Riyadh.

38. Zad al Ma'ad Fi Hadyi Khair al 'Ibad (زاد المعاد في هدي خير العباد)– Ibnu Qayyim al Jauziyyah – Tahqiq: Abd. Qadir al Arnaouth dan Syuaib al Arnaouth – Muassasah al Risalah, Beirut.

Adlan Bin Abd. Aziz berasal dari Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal sehingga menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah, kemudian melanjutkan pelajaran dalam bidang Bahasa Arab di Universiti Al Bayt, Jordan sehingga memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa Arab.

Semasa berada di Jordan, beliau mula mengenali secara lebih mendalam tentang ilmu pengkajian hadis Nabi SAW. Beliau sempat belajar sama ada secara formal atau tidak formal daripada ulama-ulama Jordan termasuklah ahli hadis terkemuka pada masa ini iaitu Syeikh Syuaib al Arnaouth. Sejak itu tersemat di dalam hati beliau keazaman untuk membantu menyebarkan ilmu dan maklumat tentang hadis Nabi SAW agar dapat dikongsi oleh masyarakat umum.

Sekembalinya ke Malaysia, beliau melanjutkan pengajian untuk mendapat Diploma Perguruan daripada Maktab Perguruan Islam, Bangi. Sekarang beliau bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tun Razak, Cheras sambil menyambung pengajian di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam jurusan Bahasa Arab.